

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"SEMAJU atau sekutu manapun orang tidak akan mampu untuk menolak ketentuan Allah. Bencanaah, atau wabaklah atau krisis-krisis dalam negara adalah semua itu dari ketentuan Allah jua".  
- Titah Sempena Menyambut Awal Tahun Hijrah 1433.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Waktu Sembahyang

IMSAK  
5.06

SUBUH  
5.16

SYURUK  
6.36

DUHA  
7.00

ZUHUR  
12.35

ASAR  
3.56

MAGHRIB  
6.32

ISYAK  
7.43

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 15

3 FEBRUARI 2020 / 1441 9 جمادى الآخر

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
*InfoDeptBN*

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri  
Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



UJI kesiapsiagaan agensi keselamatan negara

Muka 3



MMPB tampilan bakat belia tempatan

Muka 5



ICT.INNOV8 berperanan bentuk masyarakat berbakat ICT

Muka 9



BANTU tingkatkan penghasilan sayur-sayuran

Muka 21

# Ketengahkan kesan pencemaran plastik

Oleh : Wan Mohamad Sahran

Wan Ahmad

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Kira-kira lapan juta tan sisa plastik berakhir di lautan setiap tahun dan lebih kurang 79 peratus sampah plastik tersebut dibuang ke tempat pembuangan sampah, tapak pelupusan atau persekitaran semula jadi, manakala hanya sembilan peratus daripada sisa plastik tersebut dikitar semula.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun juga menjelaskan dalam sembah alu-alunya, sehingga 80 peratus plastik dalam lautan datangnya sumber dari daratan dan 90 peratus pencemaran dari plastik dibawa oleh arus dari 10 batang sungai.

Ke muka 3

**RI4.0 berpotensi mengubah status, kehidupan manusia**

Oleh : Dk. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad

**TUNGKU LINK**, Sabtu, 1 Februari. - Tiada definisi yang sama sekali bersetuju tentang Revolusi Industri 4.0. Walau bagaimanapun, terdapat ciri umum melihat dalam bidang teknologi yang berbeza bahawa ia mempunyai potensi untuk merubah status, mengubah cara kehidupan manusia dan bekerja, mengatur semua produk yang baru juga perkhidmatan.

Demikianlah antara yang disentuh oleh Pengarah, Trade Investment and Innovation Division, UN ESCAP, Dr. Mia Mikic semasa menyampaikan ceramah umum di Dewan Kuliah, Institut Sains Kesihatan (IHS) Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Ke muka 8



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menyaksikan Pameran Marine Awareness Pollution 2020.

## Jangan naikkan harga topeng muka, pembersih tangan!

Siaran Akbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Para peniaga dan klinik swasta di Negara Brunei Darussalam adalah dinasihatkan untuk tidak mengambil kesempatan ke atas orang ramai dengan menaikkan harga topeng muka dan pembersih tangan, berikutnya penularan wabak Novel Coronavirus (2019-nCoV) di luar negara.

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (JPHEP) di bawah Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi mula menjalankan pemantauan ke atas kos dan harga runcit barang tersebut di atas berikutnya terdapatnya aduan rasmi serta bukti mengenai kenaikan harga barang tersebut sejak beberapa hari yang lalu.

Semasa pemeriksaan dijalankan, para peniaga diminta untuk membekalkan maklumat yang berkaitan dan dinasihatkan untuk mengekalkan harga berpatutan dan munasabah bagi memastikan orang ramai mempunyai akses kepada topeng muka dan

pembersih tangan.

Harga barang tersebut hendaklah dipamerkan dengan jelas di tempat yang mudah dilihat oleh para pengguna dan bagi tujuan pemantauan.

Para peniaga boleh mempertimbangkan untuk mencatu (*ration*) jumlah jualan barang tersebut bagi setiap pelanggan sebagai langkah sementara, untuk memastikan bekalan mencukupi dan mengekalkan kestabilan harga.

Orang ramai pula diingatkan untuk bertimbang rasa kepada orang lain dan mematuhi catuan jika ianya dilaksanakan.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak menimbunkan barang tersebut bagi membolehkan pengguna yang lebih memerlukan dan tidak sihat untuk mendapatkan barang tersebut.

Tindakan penguatkuasaan yang bersesuaian boleh diambil terhadap para peniaga yang didapati menaikkan harga pada kadar yang tidak munasabah tanpa sebab yang wajar atau menimbulkan (*hoarding*) barang tersebut bagi tujuan menaikkan harga.

Orang ramai boleh melaporkan sebarang amalan perniagaan yang tidak beretika kepada JPHEP menerusi Hotline Pengguna melalui Talian Darussalam 123.

# Ambil perhatian berat bidang pelajaran Al-Quran

Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,  
Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Ala Asyarahil Mursaleen,  
Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa  
Aalihee Wasahbihee Ajma'een,  
Waba'du.

**B**ETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan inayah-Nya juga dapatlah kita bersama-sama berkumpul dalam majlis yang berkat ini, untuk mendengarkan ayat-ayat Allah berkumandang di dalamnya.

Musabaqah Membaca Al-Quran di negara ini sudah memasuki Kali Ke-62 ia diadakan. Ertinya sudah lebih 60 tahun musabaqah ini berlangsung. Jangka masa yang sepanjang itu sudah tentu menjadi ingatan manis kepada siapa juaranya yang pernah menyaksikannya. Begitu juga bagi peserta musabaqah sendiri dan ahli-ahli jawatankuasa yang mengendalikannya. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberikan ganjaran pahala kepada semua mereka yang terlibat itu.

Beta sangat tertarik dengan tema majlis pada kali ini, iaitu 'Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Quran'.

Berkat secara umum, boleh diertikan sebagai kurnia berupa rahmat daripada Allah. Sementara istilah rezeki pula mempunyai maksud pelbagai. Ia boleh berupa harta, kesihatan, ilmu pengetahuan, ketetapan dalam keluarga dan seumpamanya.

Dengan banyak-banyak membaca Al-Quran boleh mengundang berkat, sedang berkat pula bererti 'lebih' atau melimpah-limpah dan di antara yang lebih atau melimpah itu boleh saja berupa rezeki.

Antaranya rezeki, berpunca dari keberkatan sedekah, keberkatan istighfar, keberkatan usaha dan seumpamanya.

Ini semua, dirumus sebagai amal taqwa, sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam Surah At-Talaq, ayat 2 hingga 3, tafsirnya :

"Barang siapa bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia (Allah) akan menyediakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangkanya".

**"DENGAN banyak-banyak membaca Al-Quran boleh mengundang berkat, sedang berkat pula bererti 'lebih' atau melimpah-limpah dan di antara yang lebih atau melimpah itu boleh saja berupa rezeki. Antaranya rezeki, berpunca dari keberkatan sedekah, keberkatan istighfar, keberkatan usaha dan seumpamanya."**

**Ini semua, dirumus sebagai amal taqwa, sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam Surah At-Talaq, ayat 2 hingga 3, tafsirnya : "Barang siapa bertaqwa kepada Allah, nescaya Dia (Allah) akan menyediakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangkanya" .**



**TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 2020 pada Khamis, Malam Jumaat, 6 Jamadilakhir 1441H / 30 Januari 2020M di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

yang tidak disangka-sangkanya".

Sehubungan itu, telah mendorong beta untuk tidak jemu-jemu menasihat, supaya semua lapisan masyarakat di negara ini melazimkan diri membaca Al-Quran, dalam makna, kita dituntut supaya sama-sama menghiasi rumah-rumah kita dengan cahaya Al-Quran. Biarlah Al-Quran itu terus menyinar dan memberkati segala aktiviti kita.

Di samping membaca, memahami ayat-ayat Al-Quran juga adalah menjadi keutamaan. Lalu kerana itu, kita pun mengambil langkah mengusahakan penyusunan Mushaf Brunei Darussalam dan Tafsirannya. Dan kini penyusunan itu sedang diusahakan.

Mengenai bidang pelajaran Al-Quran, beta mahu semua Institusi Pendidikan di negara ini hendaklah mengambil perhatian

berat, khasnya Institusi Pendidikan Ugama adalah tidak wajar untuk bersikap lemah kurang atau menganggapnya sebagai kurang penting, sehingga periode untuk mata pelajaran Al-Quran itu dibiarakan kurang, berbanding mata pelajaran lain.

Terutama bagi Institusi Perguruan Ugama, adalah tidak munasabah untuk mengurangkan periode Al-Quran kerana selaku pegawai atau guru ugama nanti, mereka itu dikehendaki mesti mahir dan menguasai semua aspek mengenai Al-Quran. Jadi cuba bayangkan, jika mata pelajaran Al-Quran diabaikan ketika di dalam pengajian?

Beta berharap perkara ini diambil perhatian sewajarnya.

Akhirnya, beta sukcita mengucapkan penghargaan kepada semua peserta musabaqah pada kali ini. Kalah atau menang bukanlah matlamat utama, tetapi keikhlasan mengharapkan pahala daripada Allah, itulah yang menjadi keutamaan. Kepada para qari dan qariah yang berjaya menjadi juara, kita berdoa, semoga Allah memberkati kejayaan mereka.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Dari Sidang Pengarang.

3 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 9 جمادى الآخر

### JAUHKAN DIRI DARI BERHUTANG

**P**ENGURUSAN kewangan dan perbelanjaan dengan betul, teratur dan berhemah sering kali ditekankan agar kita tidak terjerumus dengan hutang. Pengurusan kewangan yang betul juga insyaAllah akan memberi kesenangan di kemudian hari.

Dalam hal ini, walaupun agama Islam tidak melarang umatnya berhutang bagaimanapun ia bukan suatu perkara yang digalakkan. Kerana itu agama Islam menasihatkan umatnya agar menjauhkan diri daripada hutang kecuali kerana keadaan yang mendesak dan sangat memerlukan.

Adalah juga difahami berhutang bukanlah suatu perkara yang diingini. Ada yang berhutang kerana kewangan yang tidak mencukupi dan tuntutan perbelanjaan yang besar.

Bagaimanapun jika keadaan memaksa untuk berhutang, maka jadilah seorang yang bertanggungjawab. Langsaikan hutang mengikut tempoh yang dipersetujui. Ini kerana Allah Subhanahu Wata'ala akan memberi kemudahan dan pertolongan kepada orang-orang yang ingin melunaskan hutangnya. Daripada Abdullah bin Ja'far, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : *"Allah akan bersama (memberi pertolongan pada) orang yang berhutang (yang ingin melunasi hutangnya) sampai dia melunasi hutang tersebut selama hutang tersebut bukanlah sesuatu yang dilarang oleh Allah"*.

Seperi yang dinyatakan pada Khutbah Jumaat baru-baru ini, terdapat beberapa adab yang boleh diikuti agar tidak terhimpit dengan beban tanggungan hutang yang banyak. Antaranya hanya berhutang sekiranya benar-benar terpaksa bagi keperluan penting dan tidak dapat dielakkan; mengelakkan daripada menambah hutang sebelum terlunas hutang-hutang yang terdahulu; sekiranya tiba tempoh pembayaran dan kita belum mampu juga untuk melunaskan hutang tersebut, maka berbincanglah dengan elok untuk meminta penangguhan; beri maklumat kepada pemutang dari semasa ke semasa dan beri maklum balas, jangan mengelak apabila dihubungi, tidak melarikan diri dan sentiasa berlaku baik kepada pemutang namun dalam masa yang sama pemutang hendaklah bertimbang rasa kepada yang berhutang yang benar-benar dalam kesulitan untuk melunaskan hutang; dan rancang perbelanjaan dengan lebih teliti dan mengutamakan mengamalkan gaya hidup sederhana dan berbelanja dengan berhemah.

Yang penting di sini ialah melunaskan hutang adalah suatu perkara yang wajib dilaksanakan kerana di samping melepaskan diri dari beban hutang, kita juga tidak mahu berahtang ini memberi kesan kepada ahli keluarga.

Perbuatan meringankan kewajiban membayar hutang bukan sahaja akan menyusahkan si penghutang di dunia, bahkan akan mengheretnya kepada kerugian dan kesusahan di akhirat apabila dia mati sebelum sempat melunaskan hutang-hutangnya dan ahli-ahli warisnya pula tidak mahu bertanggungjawab untuk menyelesaikan hutang-hutang tersebut.

Khutbah Jumaat baru-baru ini juga menyatakan, sesungguhnya orang yang meninggal dunia dalam keadaan masih belum melunaskan hutangnya, pada hari kiamat kelak, segala amal kebaikan dan kebijakannya akan diambil dan digunakan untuk melunaskan hutang-hutangnya. Seandainya belum juga mencukup, maka segala dosa dan kesalahan yang dilakukan oleh orang yang memberi hutang itu pula dipindahkan kepada orang yang berhutang tersebut.

Justeru, berusahalah untuk mengelakkan dari berhutang. Namun jika keadaan memaksa, jadi seorang yang bertanggungjawab. Lunaskan hutang mengikut tempoh yang dijanjikan. - Ketua Penyuntingan (Ss)

### RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN SELASA RABU

BANDAR SERI BEGAWAN		
31 °C	30 °C	31 °C
25 °C	26 °C	25 °C
PEKAN BANGAR	PEKAN TUTONG	PEKAN TUTONG

PEKAN TUTONG		
32 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
PEKAN TUTONG	PEKAN TUTONG	PEKAN TUTONG

KUALA BELAIT		
31 °C	31 °C	30 °C
25 °C	25 °C	25 °C
KUALA BELAIT	KUALA BELAIT	KUALA BELAIT

Wallaheum Bissawab | Telian Cuaca | Brunei WX App | Google Play | App Store

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."*

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	ISNIN	9	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	SELASA	10	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
5	RABU	11	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44
6	KHAMIS	12	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	JUMAAT	13	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
8	SABTU	14	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
9	AHAD	15	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.33	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN** 991 | 993 | 995 | 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Ketengahkan kesan pencemaran plastik



**YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berkenan menyaksikan pameran yang menampilkan hasil gambar daripada seorang penyelam yang diiktiraf secara komersial, iaitu Cecilia Lee (atas dan kanan).**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

## Dari muka 1

Menurut Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun semasa Perasmian Pameran Marine Awareness Pollution 2020 di kediaman Tuan Yang Terutama, di sini, jutaan binatang menjadi

mangsa korban akibat plastik setiap tahun iaitu burung-burung, ikan kepada organisme-organisma hidupan marin yang lain dengan anggaran 1.1 juta burung laut dan haiwan lain mati setiap tahun serta hampir 700 spesies termasuk spesies terancam juga



terkesan akibat daripada plastik.

Berkenan berangkat merasmikan pameran berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga berangkat, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara,

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Perisian pameran menampilkan hasil tangkapan gambar daripada seorang penyelam yang diiktiraf secara komersial iaitu Cecilia Lee yang bermula sejak tahun 1991 lagi.

Beliau juga turut berkongsi pengalamannya sepanjang pembabitannya dalam aktiviti

menyelam di samping memperlihatkan gambar yang diambil di lautan Hindi dan lautan Asia-Pasifik.

Setentunya kolaborasi sedemikian akan mempertingkatkan aspek kesedaran kita akan bahaya pencemaran terhadap alam sekitar termasuk haiwan dan hidupan dalam laut.

Pameran dibukakan bagi kunjungan orang ramai bermula 2 hingga 8 Februari nanti.



**SEBAHAGIAN daripada Pameran Marine Awareness Pollution 2020 di kediaman Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam (kiri), sementara gambar kanan, antara gambar yang dipamerkan bagi kunjungan orang ramai.**

# Uji kesiapsiagaan agensi keselamatan negara



**YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hadir menyaksikan Eksesais SETIA BERSAMA 1/2019 (Ek SB 1/2019).**

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

**BERAKAS**, Ahad, 2 Februari. - Brunei (ABDB) berjaya menjalankan Eksesais SETIA



**Ek SB 1/2019 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas adalah bagi persediaan sewaktu Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun depan.**

**BERSAMA 1/2019 (Ek SB 1/2019) selama tiga hari bermula 31 Januari hingga 2 Februari 2020 bagi persediaan sewaktu Negara Brunei Darussalam menjadi tuan**

**rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN pada tahun depan.**

**Objektif Ek SB 1/2019 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas itu adalah**

**bagi mempertingkatkan lagi kesiapsiagaan ABDB dalam menangani isu-isu kompleks dan**

**Ke muka 4**



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II melancarkan Laman Sesawang Suruhanjaya Persaingan (CCBD), [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) dan menyempurnakan penyerahan empat garis panduan berkaitan dengan penguatkuasaan Perintah Persaingan.**

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Februari. - Orang ramai dialu-alukan hadir untuk mengunjungi Hari Mesra Pelanggan 2020 (HMP 2020) Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga jabatan-jabatan di bawahnya dengan mengambil peluang untuk mendapatkan maklumat lanjut dan penerangan lebih terperinci mengenai penambahbaikan kualiti perkhidmatan di kementerian berkenaan.

Dengan bertemakan Ke Arah Penambahbaikan Kualiti Perkhidmatan, objektif utama HMP 2020 adalah untuk

membarangkan maklumat, pembaharuan, penambahbaikan perkhidmatan, memperkenalkan Jabatan-jabatan dan Bahagian-bahagian serta meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir mengunjungi pameran HMP 2020 tersebut, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Semasa kunjungan itu, Yang

Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II turut melancarkan laman sesawang Suruhanjaya Persaingan (CCBD) [www.ccbd.gov.bn](http://www.ccbd.gov.bn) dan menyempurnakan penyerahan empat garis panduan berkaitan dengan penguatkuasaan Perintah Persaingan.

Garis Panduan berkenaan mengandungi keterangan bagi membantu peniaga dan orang ramai untuk memahami pelaksanaan dan penguatkuasaan Perintah Persaingan ke arah pematuhan perniagaan.

Hadir sama, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; serta rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Antara yang menyertai Pameran HMP 2020 terdiri dari Jabatan Perbendaharaan; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Tabung Amanah Pekerja (TAP); Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik; Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB); Darussalam Assets Sdn. Bhd.;

Darussalam Enterprise (DARE); Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD); Perbadanan Perlindungan Deposit Brunei Darussalam dan lain-lain lagi.

HMP 2020 diadakan selama dua hari bermula hari ini dan Isnin, 3 Februari 2020, di Lobi Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



**ANTARA** yang hadir pada Hari Mesra Pelanggan 2020 (HMP 2020), Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) dan Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat Negara (atas dan bawah).



**SUASANA** HMP 2020 Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga jabatan-jabatan di bawahnya.



**EKSESAIS SETIA BERSAMA** diadakan di hadapan Pusat Persidangan Antarabangsa, melibatkan pasukan ABDB dan orang awam (atas dan kanan).



mencabar seperti bantahan penduduk awam secara aman.

Eksesais tersebut memberikan ruang agar ABDB akan dapat menjalani latihan yang lebih

realistik serta peluang untuk menguji cuba dan mengesahkan prosedur-prosedur ABDB di peringkat operasional dan taktikal.

Ia juga memberikan kesempatan bagi ABDB untuk menjalankan perancangan dan koordinasi serta

penyelaras pelaksanaan menggunakan kaedah pendekatan yang lebih komprehensif gabungan usaha unit-unit ABDB dan agensi-agensi keselamatan yang lain.

Pada penutup Ek SB 1/19, Menteri Pertahanan Kedua, Yang

Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan Pemerintah-pemerintah Angkatan

Tentera / Bersama serta pengarah-pengarah tentera berpeluang menyaksikan gabungan usaha operasi extraction unit-unit ABDB yang dibantu oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dan Pasukan Simpanan Gurka (PSG).

# MMPB tampilan bakat belia tempatan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan hadir pada Malam Minggu Pusat Belia (MMPB), yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah, Berakas.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Februari. - Pelbagai aktiviti menarik yang boleh disaksikan dan disertai oleh orang ramai pada Malam Minggu Pusat

Belia (MMPB), yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkiah Berakas.

MMPB yang dikendalikan oleh golongan belia itu merupakan

platform untuk membantu individu dan perkumpulan belia kreatif untuk berkembang dan menunjukkan hasil karya mereka

secara terbuka.

Sepanjang program MMPB dilaksanakan sejak Januari 2019, belia-belia tempatan kini lebih berani untuk tampil ke hadapan melihatkan bakat-bakat yang terpendam.

Manakala daripada artis seni, banyak artis-artis jalanan yang berbakat melukis secara lataran, potret hidup, seni khat dan juga reka bentuk moden.

Program tersebut mendapat sambutan yang begitu menggalakkan dan mendapat sokongan daripada pengunjung-pengunjung tempatan mahupun pelancong-pelancong dari luar negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato

Seri Paduka Haji Abidin dan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Acara dimulakan dengan sesi senamrobik, diikuti dengan tinjauan Yang Berhormat - Yang Berhormat ke petak-petak gerai.

Selain di Pusat Belia dan Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan, MMPB telah merancang untuk memperluaskan lagi platform belia ini di tempat-tempat lain seperti Stadium Negara Hassanal Bolkiah juga di keempat-empat daerah.

Bagi mengetahui perkembangan lanjut atau ingin memberikan pendapat untuk MMPB, bolehlah mengikuti Facebook *Malam Minggu Pusat Belia*, Instagram @mmpb\_bn dan e-mel contact.mmpb@gmail.com.



MMPB diisikan dengan pelbagai aktiviti menarik yang dikendalikan oleh para belia yang kreatif (atas dan kanan).



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani

**A**Llah Subhanahu Wata'ala menganugerahkan manusia dengan berbagai-bagai nikmat dan rezeki yang sempurna sama ada zahir atau batin. Kemudian Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan kita supaya bersyukur kepada-Nya. Perkara ini dilihat sebagai sesuatu yang wajib agar ibadat yang kita laksanakan itu akan menjadi lebih baik. Oleh itu, sesiapa yang mengingati Allah Subhanahu Wata'ala bererti dia bersyukur kepada-Nya dan sesiapa yang bersyukur kepada Allah, pasti dia akan berusaha untuk memperoleh ibadatnya.

Apabila kita mensyukuri dan reda akan segala nikmat dan rezeki yang dikurniakan kepada kita, maka Allah Subhanahu Wata'ala akan memberkati hidup kita. Keberkatan itu adalah penerima kebaikan yang berterusan. Walaupun sesusah mana

## Amalan membaca Al-Quran meluaskan rezeki

pun masalah yang dihadapi dan ujian yang melanda dalam mendapatkan rezeki itu tetapi jiwa akan tetap tenang, sabar dan akan sentiasa berasa cukup dengan apa yang telah diterima.

Berdasarkan tema Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1441H / 2020M, iaitu 'Menjana Keberkatan Rezeki Dengan Al-Quran', menjelaskan bahawa perihal rezeki ini adalah amat berkait rapat dengan kehidupan manusia.

Persoalan rezeki adalah antara rahsia Allah Subhanahu Wata'ala. Rezeki itu amat luas maknanya. Rezeki bukanlah semata-mata benda yang boleh diukur nilainya seperti wang, makanan, rumah, kenderaan, harta benda. Malahan rezeki itu juga berbentuk kerohanian seperti kesihatan, kepandaian, kemahiran, kejayaan, ketenangan, kebahagiaan dan sebagainya.

Antara amalan, zikir dan doa yang boleh membuka pintu rezeki ialah dengan selalu membaca Al-Quran; mengamalkan Sembahyang Sunat Dhuha secara rutin dan tertib; memperbanyak istighfar; memperbanyak membaca *hauqalah*;

memperbanyak membaca tasbih dan sebagainya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turut menekankan dalam titah baginda semasa Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1441H / 2020M bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas baru-baru ini.

"Dengan banyak-banyak membaca Al-Quran boleh mengundang berkat, sedang berkat pula bererti 'lebih' atau melimpah-limpah atau di antara yang lebih atau melimpah itu boleh sahaja berupa rezeki. Antaranya rezeki berpunca dari keberkatan sedekah, keberkatan istighfar, keberkatan usaha dan seumpamanya. Ini semua dirumus sebagai amal takwa sebagaimana firman Allah dalam Surah At-Talaq, ayat 2 hingga 3, tafsirnya : "Barang siapa bertakwa kepada Allah, nescaya Dia (Allah) akan menyediakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari sumber yang tidak disangka-sangkanya," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Sehubungan itu, baginda tidak jemu-jemu menasihati supaya semua lapisan masyarakat di negara ini melazimkan diri membaca Al-Quran dalam makna kita dituntut supaya sama-sama menghiasi rumah-rumah kita dengan cahaya Al-Quran. Biarlah Al-Quran itu terus menyinari dan memberkati segala aktiviti kita.

Oleh itu, beruntunglah kita selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam kerana telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan Al-Quran. Al-Quran itu penuh rahmat dan berkat yang mengandungi tunjuk ajar dan panduan hidup serta peringatan kepada orang yang mahu beringat dan pengajaran bagi yang mahu mengambil teladan.

Dengan yang demikian, marilah kita menjadikan membaca Al-Quran itu sebagai amalan harian kita dan berusaha memahami isi kandungannya agar kita dapat menghayati segala apa yang ada dalam Al-Quran dengan disertai dengan amalan-amalan sunat yang lain dan seterusnya kita dapat mengikuti segala perintah suruhan dan larangan yang telah ditetapkan untuk kita.

# Cari keberkatan dalam perniagaan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir sama-sama mendengarkan Tazkirah bertajuk 'Mencari Keberkatan Dalam Perniagaan' bagi Program Masjidku Makmur Negara Berkat yang disampaikan oleh Da'ie dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Andas Haji Ismuadi bin Haji Abdullah.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Agama Islam menggalakkan umatnya untuk mencari rezeki yang berkat melalui bidang perniagaan kerana didalamnya terdapat sembilan persepuhlus sumber rezeki.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Da'ie dari Pusat Da'wah Islamiah, Dr. Andas Haji Ismuadi bin Haji Abdullah semasa menyampaikan Tazkirah bertajuk 'Mencari Keberkatan Dalam Perniagaan' bagi Program Masjidku Makmur Negara Berkat, yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Jelasnya, bagi mencari keberkatan dalam perniagaan niat hendaklah diperbetulkan, iaitu mencari rezeki dengan bermula kerana Allah Subhanahu Wata'alaa.

Dengan demikian, pemilik perniagaan berkenaan akan sentiasa peka dengan etika-etika perniagaan dalam Islam contohnya mengeluarkan zakat harta perniagaan setelah cukup haulnya menurut sukatan-sukatan yang ditetapkan bagi keberkatan perniagaan.

Selain itu, perniagaan berkenaan hendaklah diniatkan bagi

membantu agama, negara dan juga bangsa untuk terus maju ke hadapan khususnya dalam aspek perekonomian.

Program Masjidku Makmur, Negara Berkat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien pada minggu ini



JEMAAH yang hadir mendengarkan tazkirah tersebut (kanan dan atas kanan).

## Tingkat kewaspadaan cegah jangkitan Coronavirus

Berita : Ihsan Radio Televisyen Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kesihatan terus mengambil langkah dalam sama-sama meningkatkan kewaspadaan kewaspadaan mencegah jangkitan Coronavirus di negara ini. Ini termasuk mengadakan pemeriksaan ke atas orang ramai yang masuk ke negara ini melalui

pos-pos kawalan imigresen.

Petang tadi, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Mohd. Isham bin Haji Jaafar mengadakan Lawatan Kerja ke Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah.

Antara langkah yang diambil termasuk pemeriksaan suhu badan mereka yang masuk ke negara ini dalam sama-sama meningkatkan lagi kewaspadaan mencegah jangkitan Coronavirus tersebut.

Menurut Kementerian Kesihatan, Coronavirus adalah sekumpulan virus yang boleh menyebabkan beberapa jenis penyakit seperti batuk dan selesma termasuk batuk, sakit tekak dan kesukaran bernafas.

Menurut Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Kementerian Kesihatan, Dr Hajah Anie Haryati binti Haji Abdul Rahman, pada masa ini tiada rawatan khusus bagi jangkitan Coronavirus dan juga tidak ada vaksin yang boleh mencegah jangkitan virus tersebut.

menunaikan tuntutan sembahyang fardu secara berjemaah dan merebut ganjaran pahala melalui bacaan wirid-wirid selepas sembahyang dan kegiatan keagamaan yang telah diaturkan.

Hadir bersama para jemaah bagi mendengarkan sesi tazkirah ialah Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmad bin Haji Abd. Rahman; dan Setiausaha-setiausaha Tetap serta Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta Kementerian Hal Ehwal Ugama.

berjemaah di masjid.

Di samping itu, program turut memberikan peluang kepada para pengunjung Bandarku Ceria untuk memulakan langkah dan keceriaan hari mereka dengan meraih keberkatan melalui partiisipasi



## CEGAH INFLUENZA (FLU)

### Tanda-Tanda Influenza:



Demam



Selsema



Sakit tekak



Batuk



Sakit kepala



Sakit badan



Sukar bernafas



(khususnya dikalangan kanak-kanak)

### Bagaimana Influenza Merebak?

- Influenza adalah disebabkan oleh jangkitan virus. Virus ini merebak melalui titisan saluran pernafasan, terutamanya apabila pesakit batuk dan bersin.
- Titisan cecair pernafasan itu mungkin mencemari tangan dan permukaan persekitaran.
- Seseorang boleh dijangkit apabila berada dalam jarak kurang dari 1 meter dari pesakit atau apabila bersentuhan dengan permukaan tercemar.



### Apa Yang Perlu Awda Lakukan Jika Menghadapi Influenza:



Tutup mulut dan hidung ketika batuk atau bersin dengan sapu tangan/tisu. Buang tisu ke dalam tong sampah dengan segera.



Kerap mencuci tangan dengan sabun dan air yang bersih atau gunakan hand sanitizer.



Dapatkan rehat yang mencukupi di dalam rumah. Jarakkan diri dari individu yang sihat.



Banyakkan minum air dan makan makanan yang berkhasiat.



Elak berada di tempat tumpuan ramai. Jika tidak dapat dielakkan, gunakan penutup hidung dan mulut (face mask).



Jangan berkongsi peralatan peribadi seperti sapu tangan dan tuala dengan orang lain.



Jangan bergantung pada antibiotik kerana influenza bukan bakteria.



Segera dapatkan rawatan lanjut jika sekiranya gejala menjadi bertambah teruk.

# Perkasa wanita dalam bidang keusahawanan



ISTERI Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan pameran pada 'Perkasa Wanita : Kau Yang Teristimewa' anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kelab Komuniti Belia Transformati (KKBT) yang diadakan sempena Sambutan Jubli Emas Pusat Belia (kiri dan kanan).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Februari. - 'Perkasa Wanita : Kau Yang Teristimewa' adalah acara anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kelab Komuniti Belia Transformati (KKBT) yang diadakan sempena Sambutan Jubli Emas Pusat Belia.

Acara berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Negara Hassanil Bolkiah, petang tadi.

Hadir selaku tetamu, isteri Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datin Nurhayana Janis

binti Abdullah Lim.

'Perkasa Wanita : Kau Yang Teristimewa' adalah slogan bagi acara berkenaan yang bermaksud para wanita adalah seorang insan yang istimewa bagi negara, bangsa, keluarga dan agama.

Maksud yang tersirat dari slogan tersebut ialah mengangkat darjah seorang wanita kerana kedudukan seorang wanita adalah sangat istimewa dan sangat diangkat seperti dalam sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud, "Wanita itu adalah pemimpin dalam rumah tangganya dan bertanggung tentang

kepimpinan" (Hadis riwayat Bukhari).

Program disokong penuh oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejah General (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Setia Paduka Haji Abidin semasa menerima cadangan daripada ahli kelab untuk mengadakan acara ini dengan jumlah keramaian 1,000 orang wanita.

Antara tujuan program diadakan adalah untuk memangkin belia khususnya para wanita yang memerlukan sokongan, dukungan untuk lebih ke depan, yakin, berjiwa mulia, berilmu dan berpengetahuan bagi membantu diri sendiri, masyarakat, negara dan agama.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk melahirkan usahawan di kalangan wanita di dalam bidang kecantikan dan keterampilan diri serta membangkitkan keyakinan diri para wanita yang mempunyai masa silam yang ingin dilupakan dan melalui kehidupan masa depan yang lebih mencabar dan terjamin.

Antara perisian program seperti tayangan video montaj yang memaparkan mengenai 'Kekerasan Terhadap Wanita'; Persembahan Puisi dari Kris Karmila dan Ceramah Khas bertajuk 'Wanita Seribu Pesona Yang Dirindui di Syurga', disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Widad binti Haji

Abdul Aziz.

Kemuncak acara adalah Sesi Perkongsian Pengalaman bersama dua orang ahli panel, iaitu Pegawai Pembangunan Masyarakat, Dayang Nurul Nazurah binti Jaya dan Dayang Zahra Callista dari WZ Beauty.

Sesi Perkongsian dipengerusikan oleh DJ Zureen dari Kristal FM.

Bengkel kecantikan juga diadakan bagi memberi pengetahuan tentang asas solekan juga alat yang sesuai untuk digunakan.

Bengkel dikendalikan oleh jurusolek tempatan yang berpengalaman dalam membuat demonstrasi solekan dan dibantu oleh seramai lima jurusolek lain.



SESI perkongsian pengalaman bersama dua orang ahli panel, iaitu Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Dayang Zahra Callista dari WZ Beauty yang dipengerusikan oleh DJ Zureen dari Kristal FM (kiri), sementara gambar kanan, antara persembahan yang memeriahkan lagi acara tersebut.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada acara berkenaan (kiri dan kanan).

# RI4.0 berpotensi mengubah status, kehidupan manusia



HADIR sama bagi mendengarkan ceramah umum tersebut, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) (kiri), sementara gambar kanan, para mahasiswa UBD, perwakilan-perwakilan dari sektor kerajaan dan swasta serta orang awam ketika mendengarkan ceramah umum di Dewan Kuliah, Institut Sains Kesehatan (IHS) Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB), UBD.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

## Dari muka 1

Ceramah yang disampaikan turut mengupas tentang kesusasteraan yang paling berpengaruh atas teknologi sempadan dan memberi tumpuan

kepada peranan Perisikan Artifil, sekali gus memberi gambaran keseluruhan keadaan kesediaan daripada Ahli ASEAN Stotes (AMS).

Bagi menjalani masa depan yang lebih baik, perbincangan yang

diadakan juga melihat daripada segi dinamik pekerjaan 'vs' kos automatik dan kegiatan kerja daripada perspektif ekonomi terkini. Alat akhir untuk pembelajaran mesin dan *automation* akan menghakis keselamatan kerja di semua AMS.

Persoalannya bukan 'sama' tapi 'berapa cepat' perubahan ini akan berlaku. Perbincangan juga

menyediakan cadangan kunci mengenai perlindungan data, pendidikan, perlindungan sosial, persaingan dan pelbagai polisi inovasi.

Dr. Mia Mikic juga menyelaras Asia-Pacific Research and Training Network on Trade (ARTNeT), iaitu rangkaian penyelidikan dan institusi terbuka di wilayah Pasifik dan meliputi semua kunci tentang pelaksanaan

tujuan perkembangan yang mampu.

Sebelumnya, beliau adalah Profesor dari Ekonomi Antarabangsa di Universiti Zagreb, dan Senior Lecturer di Universiti Auckland.

Ceramah umum tersebut disertai oleh para mahasiswa UBD, perwakilan-perwakilan dari sektor kerajaan dan swasta juga orang awam.

# Bazar Usahawan perkenalkan produk MPMK



ANTARA produk atau hasil pengusaha-pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) yang berdaftar di Jabatan Daerah Tutong yang dijual pada Bazar Usahawan Daerah Tutong berkenaan (kiri, kanan dan bawah kanan).

Berita dan Foto : Dk Vivy Malessa Pg Ibrahim

**TUTONG**, Ahad, 2 Februari. - Bazar Usahawan Daerah Tutong diadakan bertujuan bagi memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) yang berdaftar di Jabatan Daerah Tutong untuk menjual produk-produk atau hasil masing-masing seperti ada yang menjual kraf tangan, produk sabun, Minyak Kelapa Muda (VCO), produk makanan dan sebagainya.

Perkara itu dijelaskan oleh Pemangku Ketua Kampung Sengkarai, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan selaku Pengendali Bazar berkenaan semasa ditemu bual.

"Di samping memberi peluang kepada MPMK, kami juga memberi peluang kepada belia-belia yang belum mendapat pekerjaan. Saya bawa mereka untuk sama-sama mengungkayahkan bazar ini, di sini mereka dapat menimba ilmu

pengetahuan dan menjana pendapatan sampingan," ujar Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan.

Bazar berkenaan berlangsung di Kawasan Bangunan, Kompleks Cempaka Bersaudara, Pekan Tutong, selama empat hari, bermula Khamis lalu dengan menampilkan Satu Kampung Satu Produk (1K1P), MPMK Daerah Tutong.

Bazar tersebut anjuran bersama Jabatan Daerah Tutong, MPMK Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong.



# ICT.INNOV8 berperanan bentuk masyarakat berbakat ICT

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Februari. - Lebih 80 pelajar Sekolah Informasi, Komunikasi dan Teknologi (ICT), Politeknik Brunei (PB) menyertai ICT.INNOV8, seminar selama sehari anjuran politeknik berkenaan dengan kerjasama Computing Technology Industry Association (CompTIA), yang berlangsung di One Stop Centre, Politeknik Brunei, di sini.

Pemangku Pengarah PB, Awang

Alias bin Haji Abu Bakar selaku tetamu kehormat semasa merasmikan seminar tersebut berkata, program berkenaan dianjurkan buat kali kedua, di mana ia bertujuan bagi menyumbang kepada literasi masyarakat Teknologi Maklumat (IT), selain memainkan peranan aktif dalam membentuk bakat-bakat ICT di negara ini.

Katanya, seminar pada tahun ini memfokuskan kepada tema



'Memperkasa Pendidikan 4.0' dalam mensejajarkan usaha PB dengan pendekatan negara ke arah Revolusi Industri Keempat atau IR 4.0.

"Seminar ini bertujuan untuk melengkapkan dan memberi persediaan kepada para pelajar ICT dengan pemikiran dan perilaku yang betul bagi kerjaya mereka yang mencabar dalam era IR 4.0 dan seterusnya," katanya.

Pembentangan pada seminar itu bertajuk 'New Era in IT Education : Preparing for Tomorrow's Global Workforce Challenges via CompTIA Skills Certification' disampaikan oleh Country Manager (Brunei, Indonesia, Malaysia, Singapura) CompTIA, Hairil Izwan Isamuddin.

Beliau antara lain mengongsikan

mengenai kepentingan pensijilan profesional IT dan bagaimana ia membantu menambah nilai kemahiran para pelajar, termasuk dalam bidang keselamatan siber atau *networking*.

Menurutnya, CompTIA menjalin kerjasama dengan lebih 3000 institusi di seluruh dunia, termasuk institusi akademik dan korporat.

"Bagi institusi akademik, kami memastikan pengetahuan para pelajar mengenai IT akan membantu mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dalam bidang IT di masa akan datang, di samping memberikan mereka kompetensi dan keyakinan dalam bidang tersebut," katanya.

Pada sebelah petang, bengkel ICT 'Collaboration with Git and Github' selama dua jam juga diadakan bagi para peserta seminar yang dikendalikan oleh Pimpinan Program, Sekolah ICT, Awang Bahit bin Hamid.

Bagi mendukung visi PB dalam menghasilkan graduan inovatif, berkemahiran dan boleh dipasarkan; politeknik turut berusaha untuk mengintegrasikan pensijilan profesional IT CompTIA dalam masa terdekat.



**PEMANGKU** Pengarah Politeknik Brunei ketika berucap dan merasmikan seminar.



# Program RTB, ekspektasi masyarakat semakin berubah

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Februari. - Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) berhasrat untuk terus membuat pembaharuan dalam menyediakan program atau rancangan yang dapat memenuhi kehendak dan memberi kepuasan kepada orang ramai.

Kajian Audiens RTB yang diadakan pada 7 hingga 12 Julai tahun lepas adalah untuk mengenal pasti tahap sambutan masyarakat terhadap program - program terbitan Bahagian Rancangan TV, Bahagian Rancangan Radio serta Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa.

Pengarah RTB, Awang Haji Muhammad Suffian bin Haji Bungsu dalam ucapannya berkata menerusi Kajian Audiens ini juga, pihak Jabatan RTB dapat mengenal pasti persepsi penonton

dan pendengar bagi penambahan kandungan dan persembahan RTB, seterusnya memenuhi kehendak dan ekspektasi masyarakat yang semakin berubah dan meningkat.

"Kajian dibukukan kepada penduduk Negara Brunei Darussalam, yang berumur 15 tahun ke atas, disertai oleh seramai 5,017 orang responden."

Hasil daripada kajian tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 83.5 peratus penduduk Brunei menonton saluran RTB dan sebanyak 73.2 peratus menonton program Berita yang diterbitkan oleh Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa, manakala dari aspek pendengar radio pula, sebanyak 92 peratus responden memilih untuk mendengar Rangkaian Radio RTB," tambah beliau lagi.

Beliau berucap selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pemenang Cabutan Bertuah Kajian Audiens 2018 / 2019 di Dewan Raya, RTB, Bandar Seri Begawan, di sini.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat seterusnya



**PENGARAH** Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) menyampaikan hadiah kepada para Pemenang Cabutan Bertuah Kajian Audiens 2018 / 2019 (atas, kiri), sementara gambar kiri, antara yang hadir pada majlis tersebut.



**PENGARAH RTB** ketika memberikan ucapan pada majlis itu.

menyempurnakan Penyampaian Hadiah kepada para Pemenang Cabutan Bertuah Kajian Audiens 2018 / 2019.

Hadiyah - hadiah pemenang disumbangkan oleh RTB dan turut ditaja oleh Hotel Antarabangsa Rizqun, DST, Incomm Sendirian Berhad, D'Sunlit Sendirian Berhad, DATCO, Arabesque, T.Silk Brunei, Aewon Brunei, The Coffee Bean & Tea Leaf, Makan Ceria, Firoz Jaya Textile Sendirian Berhad dan Starlodge Hotel.

# Kenalkan ASEAN kepada penuntut



**PEMANGKU Pegawai Penerangan, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan ketika menyampaikan taklimat Jerayawara Kenali ASEAN.**

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**GADONG**, Sabtu, 1 Februari. - Sebagai usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) di kalangan penuntut-penuntut dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa, selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCAI mengadakan Jerayawara Kenali ASEAN di Sekolah Menengah Menglait.

Program juga antara lain

bertujuan untuk mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

Program dihadiri oleh Pengetua Sekolah berkennaan, Awang Osman bin Rajab, tenaga pengajar dan juga 297 penuntut sekolah tersebut.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, selaku Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Di samping membarigakan

serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini, program dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut-penuntut sekolah mengenai ASEAN

selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membina negara-negara anggotanya.

Taklimat ini juga dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik di kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti. (One Vision, One Identity, One Community).



**SERAMAI 297 penuntut Sekolah Menengah Menglait menghadiri Jerayawara Kenali ASEAN, dianjurkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCAI (kiri), sementara gambar atas, beberapa orang penuntut sekolah tersebut berpeluang menyertai Kuiz ASEAN.**



## Jadikan pelajar ejen penyebaran maklumat positif

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 1 Februari. - Dalam usaha menanamkan semangat kenegaraan dan tanggungjawab sosial di kalangan remaja, serta menjadikan pelajar sebagai ejen dalam penyebaran maklumat yang positif dan berkesan kepada rakan sebaya; Jabatan Penerangan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan

Kemasyarakatan kali ini mengadakan Program Rakan Remaja Penerangan di Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI).

Program juga bertujuan untuk memberikan kesedaran sivik dan semangat kenegaraan, terutama kepada golongan remaja ke arah pembentukan minda dan moral positif, dan dalam masa yang

sama, ia adalah untuk mendekati golongan belia dan remaja di sekolah-sekolah melalui seni hiburan yang terarah dan terpimpin.

Program dihadiri oleh Pengetua STPRI, Tutty Hyrneeita binti Haji Abd. Latip, tenaga pengajar dan juga 331 penuntut Tahun 9 dan 10.

Antara perisian program ialah taklimat Kenegaraan bertajuk "Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pegawai

Penerangan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Majlis juga diserikan dengan Persembahan Tarian Medley (Aduk-Aduk dan Cok Kerapang); nyanyian solo daripada Jabatan Penerangan, iaitu Awang Mohammad Nor Amirudin bin Haji Brahim juga hiburan lawak jenaka daripada Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar dan Haji Mohd. Firdaus bin Haji Salleh yang juga mengendalikan Kuiz Kenegaraan.



**PERSEMBAHAN** Tarian Medley (Aduk-Aduk dan Cok Kerapang) menyeroni Program Rakan Remaja Penerangan di STPRI (atas), sementara gambar kanan, hiburan lawak jenaka daripada Dayang Hajah Kasumawati binti Haji Buntar, seterusnya mengendalikan Kuiz Kenegaraan.



**PENGETUA Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) ketika berucap.**

# PK kukuh kerjasama, jaga keselamatan bersama



PASUKAN Polis Diraja Brunei terus bekerjasama dengan penduduk kampung mengadakan Pengawasan Kejiranan (PK) di beberapa buah tempat (kanan), sementara gambar atas, beberapa ahli PK bersiap sedia untuk menjalankan aktiviti meronda.



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Kerjasama di antara Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bersama penduduk kampung dieratkan lagi melalui program kesukarelawan, iaitu Pengawasan Kejiranan (PK) yang dikelola sepenuhnya oleh PPDB

dengan berterusan membuat aktiviti rondaan pencegahan jenayah di beberapa tempat semalam.

Antara yang menjalankan program tersebut, Ahli PK Kampung Sungai Liang bersama keanggotaan Balai Polis Sungai

Liang. Aktiviti pada malam berkenaan menjurus kepada rondaan pencegahan jenayah yang menumpukan di kawasan sekitar Taman Peranginan Kampung Sungai Liang.

Pada masa yang sama, Ahli PK dari Kampung Puni dan Ujong Jalan juga turut serta bersama keanggotaan Balai Polis Temburong menjalankan rondaan

pencegahan jenayah di sekitar kawasan rumah-rumah kosong yang tidak berpenghuni, kawasan bekas penurunan feri Ujong Jalan, juga kawasan Jambatan Persahabatan Brunei dan Malaysia.

Di sepanjang rondaan pada malam tersebut, tidak ada menemukan sebarang aktiviti atau perkara-perkara yang mencurigakan, yang menyalahi

peruntukan undang-undang negara ini.

Inisiatif yang diusahakan ini perlu berterusan sebagai pendekatan terbaik masyarakat dengan pihak Polis bagi tujuan melahirkan persekitaran kampung atau tempat yang lebih selamat demi mengukuhkan kerjasama dalam kalangan masyarakat akan kepentingan menjaga keselamatan daripada perlakunya jenayah.

## مقرنلنکن اقليکاسي موده الیه جابتني ڦنرڻن

Memperkenalkan  
**Aplikasi Mudah Alih**  
Jabatan Penerangan

**InfoDeptBN**

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**

**Gunakanlah Aplikasi Kami!**

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'**

# سُرْدَانُ سُرْدَانِي

## كواجبن ممبایر هوتع

دلين باكين موسمه اتو اورغ أسيغ. اين كران تردافة مسلكين اورغ بع  
لاري دري ممبایر هوتع، برسيمويي، تيدق دافه دهوبوني، تيدق دافه دكسن  
دان برسيكت أحجه تيدق أحجه سهيلك مببiken سي فسيوتاغ قول بع ترقسا  
تربيوت-بوبوت هناكيه حق مرياك.

كموداهن دال فرتولوغن كفند اورغ ۲ بع إبغون ملونسكن هوتعن. درقد عبدالله  
بن جعفر، رسول الله ﷺ برسيدا:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الدَّارِينَ حَتَّىٰ يَقْضِيَ دِينَهُ مَا لَمْ يَكُنْ فِيمَا يَكُرُّهُ اللَّهُ  
﴿رواه الإمام ابن ماجه﴾

مقصوده:

الله اكن برسام (ميري فرتولوغن قد) اورغ بع برهونغ (بع إبغون  
ملوناسي هوتعن) سيفي دي ملوناسي هوتعن ترسبوت سلاما هوتعن ترسبوت  
بوكله سسوات بع دلارغ اوله الله.

كنهوله، قربوتن مندغ ريعن كواجبن ممبایر هوتعن بوكن سهاج اكن  
ميوسهشك سيفهونغ ايت ددليا، بهكين اكن مههيرين كفند كروكين دان  
كسوسهن داخبره كلن افبيل دي ماتي سبلوم سمثت ملونسكن هوتعن-هوتعن  
دان أهل ۲ واريت قول تيدق ماهو برغلوك غحواب التوق ميلايسك هوتعن ۲

كليم: مرجع فريلجان دعن له تلبي دان معاوتماكن كفولوان ۲ أوتام سرت  
معهمملكن كاي هيديوف بع سدرهان دان بريلجا دعن برهيمه.  
كام: منجاك هوبورغن بايك دعن فسيوتاغ. دالم ماس بع سام فسيوتاغ جوك  
هندقله برفراسان تسيغ راس كفند بع برهونغ بع برا ۲ دالم كسولين آنتوق  
ملونسكن هوتعن.  
سياكى اورغ إسلام، بيارله كيت هيديوف دعن صفة قباعه بيات  
هيديوف برقد-قد دان برسرهان دالم نوشى كفولوان هيديوف سهارين.  
يلنكيله ديري كيت درقد عمال سوك برهونغ، عملكله سبكت برسرهان  
دالم بريلجا. جاعشه كيت منوروت كات هاتي دان هاوا نفسو كران برهونغ  
ايت ميمعله موده دان سنغ اكن تنافي ممبایرن قول اداله أمة برت دان ساغه  
موسمه. سام-سامله كيت بردعاء "يا الله، سسغوكهن أكو برليندوغ كفندمو  
درى كدوكان دان كسدنه. أكو برليندوغ كفندمو درى صفة لم دان مالس.  
أكو برليندوغ كفندمو درى صفة فجعوت دان بخيل. دان أكو برليندوغ كفندمو  
درى بين هوتعن دان فينداسن مائسي." آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَإِنْ كُنْتُرَ عَلَىٰ سَفَرٍ وَّلَمْ تَجِدُوا كَائِبًا فَرَهِنْ مَقْبُوْضَةً فَإِنْ أَمِنْ بَعْضُكُمْ  
بَعْضًا فَلَمْ يُؤْذَ الَّذِي أَوْتُمْ أَمْنَتُهُ وَلَيْتَ أَنَّ اللَّهَ رَعَهُ وَلَا تَكُنُمُوا الشَّهِيدَةَ  
وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ إِذَا مُهْلَكٌ لَّهُ وَاللَّهُ يَمَا تَعْمَلُونَ عَلِيهِمْ ﴿٢٧﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{سورة القراء آية : ۲۸۳ }

تفسير:

دان جك كامو سدغ مسافر (اللو) كامو برهونغ اتو ميري هوتعن بع  
بريمشوه سدغ كامو تيدق منداشي فجعات مك هندقله داداكن بارغ جامين  
انتوق دقكع (اوله اورغ بع ميري هوتعن). جك سهاكين كامو مفرجي اي  
سهاكين بع لابن هندقله بع دفرجي اي مونينكن آمانهن (هوتعن) دان  
هندقله دي برقوى كفند الله توهن، دان جاعشه كامو (مسقي ۲) ميموييكن  
فركارا ۲ بع دفرسقسيكن ايت دان سسياف بع ميموييكن مك سسغوكهن  
دي اياله اورغ بع بردوسا هاتين، دان الله مها مفهوي اف بع كامو كرجاكن.

بازاك الله لنا في القرآن العظيم، وتفعنا بالآيات والحكم. وتقبلن منا  
تلاؤته إنه هوالسبعين العليم، وأستغفِرُ الله العظيم لي ولكلِّ ولساتِي المسلمين  
والMuslimatِ والمُؤمنين والمُؤمناتِ فاستغفروه في فوز المُستغفرين وياجأة  
التأثير.

فَنَّ مَاتَ وَعَلَيْهِ دِيَنَارٌ أَوْ دِرْهَمٌ فَضْيَ مِنْ حَسَنَاتِهِ ، لَيْسَ ثُمَّ دِيَنَارٌ وَلَا دِرْهَمٌ  
﴿رواه الإمام ابن ماجه﴾

مقصوده:

بارغسياف بع ماتي دالم كادان ماسيه ميليكى هوتعن ساتو دينار اتو ساتو  
درهم، مك هوتعن ترسبوت اكن دلوسي دعن عمل كيابين (د هاري قيامة  
تفعي) كران دسان (دأخيره) تيدق اد لاكتي دينار دان درهم.

جماعه بع درجمي الله،

تردافة اداب ۲ بع بوله كيت إيكوتني اكر تيدق ترهيمقين دعن بين  
تعلكون هوتعن بع بايق، انتارا:

فرقام: هان برهونغ سكيران برا ۲ ترقسا باكى كفولوان بع قسيغ دان تيدق دافه  
دبليكن،  
كدو: مغاليكن دري منبه هوتعن سبلوم ترلوكس هوتعن ۲ بع ترددخول.

كبيك: سكيران تله تبيا تيم فهوغ فسيابون دان كيت بلوم مفتو جوك انتوق  
ملونسكن هوتعن ترسبوت، مك هندقله برينجع دعن إيلوق انتوق مبينا  
فلعكوهن،  
كامقة: ميري معلومات كفند قسيوتاغ دري سماس كسماس دان ميري معلوم  
باللس، تيدق مغاليق افبيل دهوبونغ، تيدق ملاريكن ديري دان ستياس برلا كو  
بايك كفند قسيوتاغ، جاعشه دسيبiken بلوم مفتو انتوق ممبایر هوتعن، سي فسيوتاغ

برتفوی له كيت كفند الله سبحانه وتعالى دعن سبر-بر تقوی بيات  
دشن منبعكين كيابان كفند. سسغوكهن اورغ بع فالیع ملما دسيسي الله  
 سبحانه وتعالى اياله اورغ بع فالیع برتقلي. مدهدهاهن كيت منجادي إنسان  
بع ستياس مغایطي الله سبحانه وتعالى، برأوله كجيان دان كسلامن ددنيا دان  
جوك دآخره.

جماعه بع درجمي الله،

أكام كيت مغارج كيت أومتن باكيمان جارا مغورووس فندافن دان  
فريلجان دشن بول بيات دعن برسدرهان. كران ايت، جك كيت مغارجاتي  
دان مغایكتوي آجارن أكام دالم سوال بريلجا دان جارا مغورووس فندافن،  
سوده قسيي كيت تيدق اكن ترجمق دالم بلغكو بين هوتعن بع بايق، فرمان الله  
 سبحانه وتعالى دالم سورة الفرقان آية ۶۷:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُنْرِفُوا وَلَمْ يَقْرُبُوا وَكَانَ بَيْتَهُ دَلِيلَ قَوَامًا ﴿٦٧﴾

صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسير:

دان مريلك بع افيلي ميلجاكن هرتا، مريلك تيدق برليمه-لبهين دان تيدق  
جوك بخيل كدكوت دان (سباليق) فريلجان مريلك ايت اداله سدرهان انتارا  
كدوا-دون.

واللوقون أكام كيت تيدق ملارغ أومتن برهونغ اكن تنافي اي بوكله  
سوات فركارا بع دكالنكن. كران ايت، أكام إسلام متسبحكن أومتن اكر  
منجاوههكن ديري درقد برهونغ كجواهلي كران كادان بع مندق دان ساغه  
مرلوكن، اوله ايت، جك كيت ترقسا جوك برهونغ، مك كيت هندقله برنيه  
دان برعزم انتوق ممبایر هوتعن ترسبوت. بوكن سوييغ-وييغ برهونغ، تنافي  
هندق ممبایرن قول سالابو برتعكوه-تعكوه دان اد كالان لغسون تيدق ماهو  
ممبابير سهيلك مببiken فركلاهين دان فرموسوهن. رسول الله ﷺ اد مغارج كن  
دعاه سفاري دليندوغ درى هوتعن دعاه ترسبوت اياله:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُكَ مِنَ الْمَأْمَمِ وَالْمَغْرَمِ

مقصوده:

يا الله سسغوكهن أكو برليندوغ دغنمو درى دوسا دان هوتعن.

جماعه بع درجمي الله،  
اداله منجادي كواجبن باكي اورغ بع برهونغ انتوق ممبایر هوتعن ايت  
سباكيمان فرجتحجن بع تله دفرستوجوي انتارا اورغ بع ميري هوتعن دان اورغ  
بع برهونغ. كواجبن ممبایر هوتعن اين ترماسوقله جوك باكي فسيابون بيل ۲ بع  
ترفعكوه سفتر بيل اير، بيل إيليكزريك، بايرن فرومدين دان ساويمسان،

اكن تنافي تيدق دنافيكن تردافة جوك سهاكين اورغ بع برهونغ تيدق  
دافه ممبایر هوتعن دسيبiken سومير كواشن بع كورغ منجوكوني، واللو  
باكيانقون مريلك هندقله ستياس برأسها دان منجاري اختبار انتوق  
محلسن سموا هوتعن بع اد. اين كران، الله سبحانه وتعالى اكن ميري

# Usaha sama dalam menentang penularan wabak

Siaran Akhbar : Ihsan Kedutaan Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Februari. - Kedutaan Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Yu Hong berkesempatan ditemu bual oleh salah sebuah agensi media tempatan mengenai situasi wabak pneumonia Novel Coronavirus yang berlaku di China ketika ini.

Semasa diajukan soalan bagaimanakah perkembangan wabak pneumonia yang disebabkan oleh Coronavirus dan apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan China, Puan Yang Terutama berkata bahawa rakyat China berjuang melawan wabak Novel Coronavirus dengan serius.

Pada 25 Januari, Setiausaha Agung Jawatankuasa The Communist Party of China (CPC) Central, Presiden China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping mempergerusikan mesyuarat Jawatankuasa Tetap Biro Politik Jawatankuasa CPC, membuat perancangan lengkap bagi mencegah dan mengawal wabak Novel Coronavirus.

Pada 27 Januari, Perdana Menteri China, Tuan Yang

Terutama Li Keqiang melawat Wuhan untuk memeriksa dan membimbing kerja untuk membendung penyebaran jangkitan.

Kerajaan China menggunakan sepenuhnya kelebihan sistemnya dengan mewujudkan sistem kebangsaan lengkap pencegahan dan kawalan, juga membuat langkah-langkah substantif dan berkesan bagi memerangi wabak tersebut. Semua langkah dilaksanakan secara berkesan dan saintifik secara terbuka dan telus. Secara umumnya, wabak Coronavirus ini boleh dicegah, dikawal dan diubati.

Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China mengadakan sidang akhbar untuk memberi maklumat perkembangan penyakit tersebut setiap hari dan langkah-langkah sewajarnya yang perlu diambil, meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penyakit itu. Wuhan dan beberapa bandar-bandar di wilayah Hubei mengambil langkah-langkah yang ketat untuk mengawal kemasukan orang awam dan mencegah penyebaran virus.

Wilayah lain di China

menyediakan sejumlah besar kakitangan perubatan dan bekalan perubatan untuk membantu Wuhan dan bandar-bandar lain di wilayah Hubei, bagi mengurangkan tekanan terhadap kerja-kerja pencegahan wabak secara berkesan di Hubei.

Dengan peningkatan jumlah kakitangan perubatan dan peralatan perubatan dengan reagen pengesanan semakin teratur secara beransur-ansur, keupayaan pemeriksaan dan kecekapan diagnosis bertambah baik, dan jumlah pesakit yang sembuh beransur-ansur meningkat.

Dua hospital baharu dibina siang dan malam di Wuhan serta salah satu daripadanya dijangka dapat beroperasi pada awal Februari, yang akan membantu bandar tersebut menangani penyakit tersebut dengan lebih berkesan.

Baru-baru ini merupakan cuti Tahun Baharu Cina dan seluruh rakyat China bekerjasama dengan langkah-langkah pencegahan dan kawalan bagi penjagaan diri. Kerajaan China juga memutuskan untuk melanjutkan cuti dan menangguhkan sesi persekolahan. Kerajaan China memberi keutamaan kepada keselamatan nyawa rakyat dan kesihatan mereka dan juga mengenai aspek keselamatan dan kesihatan semua warga asing di China.

Kedutaan China dan konsulat di

luar negara bekerja keras untuk menyediakan khidmat nasihat kepada warganegara China di luar negara. Kementerian Luar Negeri China memperkuat komunikasi dengan misi diplomatik di China. Usaha kerajaan China untuk menangani wabak ini disokong oleh masyarakat antarabangsa. Pada ketika ini, pencegahan dan kawalan wabak ini adalah pada tahap kritis dan kami mempunyai keyakinan untuk mampu menangani wabak ini.

Selain itu, PYT turut ditanya mengenai bagaimakah kerajaan China untuk bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa? Apatah lagi baru-baru ini, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melawat China. PYT menjelaskan bahawa atas jemputan kerajaan China, Tedros Adhanom Ghebreyesus, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melawat China baru-baru ini.

Pada 28 Januari, Presiden China Xi Jinping bertemu dengan Tedros. Semasa pertemuan itu, Presiden Xi berkata China, secara terbuka, telus dan bertanggungjawab, mengeluarkan maklumat tentang wabak itu, menjawab kebimbangan semua pihak secara aktif dan meningkatkan kerjasama dengan masyarakat antarabangsa.

Memandangkan WHO

memainkan peranan penting dalam menyelesaikan hal ehwal kesihatan awam global, China memberi perhatian penting terhadap kerjasama WHO. WHO dialu-alukan untuk mengambil bahagian dalam pembendungan epidemik sehingga beberapa orang pakar dari WHO telah melawat Wuhan. Pihak kerajaan China sanggup bekerjasama dengan WHO serta masyarakat antarabangsa untuk melindungi keselamatan kesihatan awam serantau dan juga global.

Tedros menghargai maklumat China yang "terbuka dan telus", serta usaha dan tindakan China yang bersungguh-sungguh menangani wabak ini. Langkah-langkah China bukan sahaja untuk melindungi rakyatnya sendiri, tetapi juga melindungi rakyat seluruh dunia.

Ini adalah kerana langkah-langkah berkesan China mereka yang dijangkiti di luar China hanya mencakupi satu peratus daripada keseluruhan kes.

Tedros juga berkata WHO akan membuat penilaian berdasarkan sains dan fakta. Peranan dan sumbangan besar China sangat besar kepada kesihatan awam global dan bersedia untuk terus melaksanakan kerjasama strategik dengan China.

Ke muka 18

## Bersama menjaga keindahan masjid



**KETUA** Unit Pemantauan dan Pemasaran, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan menyampaikan tatacara bercucuk tanam secara efektif.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 1 Februari. - Dalam usaha menanamkan rasa tanggungjawab dan kecintaan untuk sama-sama berganding bahu bagi memelihara kawasan dan keindahan halaman masjid, buat julung kalinya, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas mengadakan Kursus Tatacara Berkebun kepada para Muslimah Masjid.

Seramai 60 orang Muslimah masjid mengikuti kursus tersebut yang berlangsung di masjid berkenaan.

Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan dan memupuk minat para Muslimah masjid untuk turut terlibat sama dalam menjaga kecantikan halaman masjid dengan pohon bunga-bunga dan buah-buahan yang subur.

Di samping memberi pengetahuan tatacara bercucuk tanam yang lebih efektif, kursus ini juga bertujuan memberi peluang kepada Muslimah untuk bercucuk tanam di rumah dan seterusnya dapat menjana penghasilan rezeki yang halal.

Kursus disampaikan oleh Ketua Unit Pemantauan dan

Pemasaran, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Awang Hirman bin Haji Abu.

Semoga dengan adanya program seumpama ini akan dapat memberi manfaat dan menambah ilmu pengetahuan para Muslimah dalam berkebun dan bercucuk tanam sehingga dapat memberi peluang kepada mereka untuk sama-sama berganding bahu dalam usaha menjaga dan mencantikkan halaman masjid dan secara tidak langsung juga menjadikan kegiatan bertani ini sebagai salah satu aktiviti yang sihat dan menjana pendapatan.

**PARA** Muslimah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas ketika menghadiri Kursus Tatacara Berkebun (kanan dan atas kanan).




**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**  
**BILANGAN IKLAN 10/02/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 03 FEBRUARI 2020**  
**TARIKH TUTUP : 17 FEBRUARI 2020**

**1. PEGAWAI PELAJARAN UGAMA**  
**G.13 (BAHAGIAN II)**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA**  
**KEKOSONGAN = EMPAT (04)**  
**2020/004/08**

**2. PEGAWAI LUAR**  
**D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV)**  
**JABATAN DAERAH TEMBURONG**  
**KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**  
**KEKOSONGAN = TIGA (03)**  
**2020/003/10**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

KEMENTERIAN  
PERTAHANAN

PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI PENGAMBILAN KE-167 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Pendaftaran sekarang dibuka untuk menceburi kerja tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-167 Angkatan BerSENjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibuka bermula pada Isnin, 3 Februari 2020 hingga Khamis, 13 Februari 2020. Tempat pendaftaran di Pejabat Pengambilan Jabatanarahan Keanggotaan, Bolkiah Garison, Kementerian Pertahanan (Bangunan Baru Pejabat Pengambilan berdekatan dengan bangunan Pancaragam ABDB).

**Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :**  
 Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis  
 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi  
 2.00 Petang hingga 3.30 Petang

**Jumaat**  
**Taklimat dan Pentadbiran**  
 Sabtu/Ahad  
**TUTUP**  
 Hari Kelepasan Awam  
**TUTUP**

Pemohon-pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 hari 0 bulan) sebelum latihan bermula pada 15 Jun 2020.

Pemohon-pemohon mestilah berpakaian kemas dan membawa risalah-risalah seperti berikut :

- Sijil Kelulusan Akademik Sekolah yang asal
- Kad Pengenalan asal
- Sijil Berhenti Sekolah

Tempat letak kereta :  
 Kawasan letak kereta belakang bangunan Pancaragam ABDB

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :  
 Pejabat Pengambilan  
 Jabatanarahan Keanggotaan  
 Bolkiah Garison

Telefon : +673 2386898

atau layari laman sesawang  
<http://www.mindf.gov.bn>  
 atau  
 e-mel : [FRO@mindf.gov.bn](mailto:FRO@mindf.gov.bn)



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :  
 JPPK / LTK / 38 / 2019

REPAIR WORK TO C20, C7, C8, C9 AND C11 FOR AARM VILLAGE

BAYARAN TAWARAN :  
 BND30.00  
 (tidak dikembalikan)

KELAS : III & KE ATAS

KATEGORI KA01, B01 dan E01

TEMPOH PENYIAPAN :  
 TIGA (3) BULAN

**TARIKH TUTUP :**  
 Selasa, 11 Februari 2020,  
 tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh terakhir membeli dan mengambil



dokumen tawaran pada Jumaat,  
 7 Februari 2020,  
 jam 10.30 Paggi.



JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
 KP / JSS / UPP / JKSH /  
 SM / 38 / 2019 - 2020

**KETERANGAN :**  
 SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN MENYEDIAKAN JAMUAN BAGI SCHOOL LEADERS CONVENTION 2020, KEMENTERIAN PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN KEWANGAN 2019-2020

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
 BND5.00 [bayaran dokumen sebut harga tidak dikembalikan]

**Tarikh dibukakan :**  
 5 Februari 2020

**Tarikh tutup :**



12 Februari 2020  
 [tidak lewat  
 jam 2.00 Petang]



## UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon tempatan yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut :

**JAWATAN : PENSYARAH (PT1A)**  
**TANGGA GAJI : PT1A [BND3,190.00 - 3,300.00 - 3,410.00 - 3,520.00 - 3,640.00 - 3,760.00 EBKhas 3,880.00 - 4,000.00 - 4,120.00 - 4,240.00] sebulan**

### BIDANG : SAINS HALAL

#### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

a) Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Mempunyai pengetahuan tentang kresmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Social, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.

#### BAGI TANGGA GAJI PT1A

i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sariana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD) atau yang sebanding dari universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan.

ii. Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (PhD). Mempunyai kelulusan yang relevan dan bersesuaian. Mempunyai minat untuk mengajar dan membuat penyelidikan. Berumur tidak melebihi 35 tahun adalah merupakan satu kelebihan.

iii. Berkebolehan dalam menulis dan bertutur bahasa Arab adalah satu kelebihan.

#### KEMUDAHAN ELAUN DAN TATACARA PERMOHONAN :

**ELAUN AKADEMIK :**  
 Pensyarah - BND200.00 sebulan

#### TATACARA PERMOHONAN:

Borang permohonan - **Form P2 (Borang P2)** bolehlah, didapat dan diisi melalui *online* di laman sesawang : <http://www.unissa.edu.bn/jobapplication/form-p2/> Setelah lengkap mengisi borang permohonan melalui *online*, pemohon akan diberikan **Application Reference No.** (ARN) dan pemohon dikehendaki untuk mengemail ARN tersebut ke [recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn)

#### SYARAT-SYARAT LAIN :

i) Universiti berhak menolak borang permohonan yang tidak diisi dengan lengkap dan yang tidak menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan.

ii) Hanya pemohon-pemohon yang memenuhi syarat-syarat dan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk menjalani sesi temu duga.

iii) **Bagi pemohon-pemohon yang terdiri daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia hendaklah juga memohon melalui online.** Salinan *hardcopy* borang permohonan juga hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan masing-masing yang mana Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan permohonan tersebut berserta dengan satu **SOKONGAN LAPORAN SULIT** mengenai pemohon, laporan **PRESTASI TIGA (3) TAHUN KEBELAKANGAN** dan **SATU SALINAN REKOD PERKHIDMATAN YANG LENGKAP** dan **TERKINI**.

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi **+673 2462000 ext 184 semasa waktu pejabat** atau e-mel kepada [recruitment@unissa.edu.bn](mailto:recruitment@unissa.edu.bn)

**Peringatan : Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.**

**Tarikh Buka Permohonan :**  
 Isnin, 27 Januari 2020

**Tarikh Tutup Permohonan :**  
 Isnin, 10 Februari 2020

**Rujukan Iklan :**  
 UNISSA / AKA / LOC / 001 / 2020



## BIRO KAWALAN NARKOTIK JABATAN PERDANA MENTERI

### IKLAN JAWATAN KOSONG BIRO KAWALAN NARKOTIK JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pegawai yang sedang berkhidmat atau pemohon-pemohon baru untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut di BIRO KAWALAN NARKOTIK, Jabatan Perdana Menteri.

**PENOLONG PEGAWAI NARKOTIK II**  
**(BKN 1 - 2 EB. 3 : BND530.00 - BND1,125.00)**

#### SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :

1. Pemohon mestilah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon mempunyai pengetahuan rasmi agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

3. i. Lulus dengan kepujian / kredit dalam empat (4) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa termasuk mata pelajaran Sains dan Matematik dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

#### ATAU

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam jawatan yang ada hubungkaitnya dengan penguatkuasaan undang-undang dalam Bahagian V selama tidak kurang lima (5) tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dan / atau pengalaman dalam bidang penguatkuasaan undang-undang adalah merupakan satu kelebihan.

4. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK bagi tempoh

tiga (3) tahun kebelakangan. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG dan mendapat sokongan yang kuat daripada ketua jabatan adalah merupakan satu (1) kelebihan.

#### SYARAT-SYARAT LAIN :

5. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas, di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

6. Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### CARA PERMOHONAN / MAKLUMAT :

1. Semua permohonan adalah melalui mengisi borang SPA 1.

2. Borang SPA 1 boleh didapat di Unit Pentadbiran, Ibu Pejabat Biro Kawalan Narkotik dan dikembalikan ke tempat penghantaran borang permohonan yang disebutkan bersama-sama dengan salinan sijil, surat-surat akuan yang lengkap dan diakui sah, sijil-sijil kecekapan, peperiksaan yang dikendalikan oleh badan-badan profesional yang dihadapkan bersama borang permohonan hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

3. Bagi pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan kerajaan, permohonan mestilah melalui ketua jabatan dan mengandungi surat sokongan ketua jabatan berkenaan berserta salinan prestasi dan rekod perkhidmatan.

4. Permohonan yang diterima lewat dari tarikh tutup iklan tidak akan dilayan.

5. Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada :

**PENGARAH**  
**BIRO KAWALAN NARKOTIK**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**JALAN TUNGKU GADONG**  
**BANDAR SERI BEGAWAN BE2010**  
**TELEFON : +673 2448877**

**TARIKH TUTUP IKLAN :**  
 27 Februari 2020



## POLITEKNIK BRUNEI

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
 KPE / PB / MPP / 2020 / 1.3.1

**KETERANGAN :**  
**SUPPLYING CUSTOM DESIGNED MEDALS FOR THE THIRD SPORTS FIESTA OF POLITEKNIK BRUNEI**  
**BAYARAN YURAN / DOKUMEN TAWARAN :**  
 BND 5.00

#### TARIKH TUTUP DAN WAKTU :

Selasa, 4 Februari 2020  
 (tidak lewat  
 jam 2.00 Petang)



## KEMENTERIAN KEUANGAN DAN EKONOMI

**UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEUANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**Bilangan Tawaran :**  
 KKW / BPSM / 11 Q.2 / 2020

**Tajuk Sebut Harga :**  
 TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER SKILLS : MICROSOFT EXCEL' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEUANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.

**Bilangan Tawaran :**  
 KKW / BPSM / 11 Q.3 / 2020

**Tajuk Sebut Harga :**  
 TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER SKILLS : MICROSOFT POWERPOINT' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN SEBUT HARGA KEMENTERIAN KEUANGAN DAN EKONOMI**

**Bilangan Tawaran :**  
 KKW / BPSM / 11 Q.1 / 2020

**Tajuk Sebut Harga :**  
 TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER SKILLS : MICROSOFT WORD'

**KEWANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.**

**Bilangan Tawaran :**  
 KKW / BPSM / 11 Q.4 / 2020

**Tajuk Sebut Harga :**  
 TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'COMPUTER SKILLS : MICROSOFT ACCESS' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEUANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.

**Bilangan Tawaran :**  
 KKW / BPSM / 11 Q.5 / 2020

**Tajuk Sebut Harga :**  
 TAWARAN MENGHADAPKAN SEBUT HARGA BAGI PENGENDALIAN LATIHAN DALAMAN (IN-HOUSE) 'TEAMBUILDING' UNTUK PEGAWAI DAN KAKITANGAN DI KEMENTERIAN KEUANGAN DAN EKONOMI SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA BAGI TAHUN 2020 HINGGA TAHUN 2021.

#### TARIKH TUTUP :

SABTU, 15 FEBRUARI 2020 SEBELUM JAM 2.00 PETANG.



## IKLAN

JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
KEMENTERIAN TENAGAJEMPUTAN UNTUK MEMBERI  
TAWARANBILANGAN TAWARAN :  
JPE / LTK / PSP / 063 / 2019

TAJUK TAWARAN :  
PENGUKUHAN SISTEM RANGKAIAN  
11KV MUKIM PEKAN TUTONG  
TERMASUK KG. PENANJONG  
TANAH BUROK, PADANG KAWAT  
BUKIT BENDERA DAN SENGKARAI.

TARIKH TUTUP :  
10 MAC 2020 / SELASA  
(JAM 2.00 PETANG)YURAN TAWARAN :  
BND1,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

KELAYAKAN :  
KELAS V ATAU VI SAHAJA  
KATEGORI E02 & E03  
TEMPAT TUTUP :  
TENDER BOX



PENGERUSI  
LEMBAGA TAWARAN KECIL  
BASEMENT 2 (B2)  
KEMENTERIAN TENAGA  
KOMPLEKS BANGUNAN JABATAN  
PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAMKEBANKRAPAN NO. 370  
TAHUN 2018BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD

- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**HJ. ABDUL AZIZ**  
**BIN AW. HJ. ABD. RAHIM**  
**(BYIC NO. 00-318042)**  
- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 8 Ogos 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **11 Februari 2020**, jam **9.30 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **12 Februari 2020**, jam **9.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 5 November 2019

**NUUROR-RAHEEBAH HJ ABD WAHAB**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

KEBANKRAPAN NO. 155  
TAHUN 2018

**MALAYAN BANKING BERHAD**  
- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs  
**YONG CHIN AULL**  
**(BYIC NO. 30-203484)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 April 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **12 Februari 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **12 Februari 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 November 2019

KEBANKRAPAN NO. 333  
TAHUN 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM**  
**BHD.**  
- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**JOHALIL BIN JULANI**  
**(BYIC No. 00-294538)**

- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 16 Februari 2019.

JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH  
KEMENTERIAN PENDIDIKANBILANGAN SEBUT HARGA :  
KP / JSS / SMJA (KS) / SH /  
07 ( 2019 / 2020)

KETERANGAN :  
SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR BAJU SUKAN BAGI  
KEGUNAAN PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH SULTAN MUHAMMAD  
JAMALUL ALAM, JABATAN  
SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM BAGI  
TAHUN KEWANGAN 2019-2020

BAYARAN YURAN / DOKUMEN  
SEBUT HARGA :  
BND5.00 [bayaran dokumen sebut harga  
tidak dikembalikan]

Tarikh dibukakan :  
3 Februari 2020Tarikh tutup :  
12 Februari 2020  
[tidak lewat jam 2.00 Petang]BIRO KAWALAN NARKOTIK  
JABATAN PERDANA MENTERIBilangan Tawaran :  
(56) BKN(A) / PENT / 55 PT.5

TAWARAN BAGI :  
MEMBEKALKAN CATUAN  
MAKANAN BAGI PUSAT AL-ISLAH,  
BIRO KAWALAN NARKOTIK,  
JABATAN PERDANA MENTERI  
SELAMA 2 TAHUN (24 BULAN)

TARIKH TUTUP :  
Sabtu, 29 Februari 2020  
tidak lewat  
jam 2.00 Petang



- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 16 Februari 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **12 Februari 2020**, jam **9.30 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

-

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **12 Februari 2020**, jam **9.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 November 2019

KEBANKRAPAN NO. 389  
TAHUN 2018

**BIBD BERHAD**  
- Pemutang Penghakiman / Pempetisyen

Vs

**MUHAMMAD FIRDAUSI**  
**BIN HAJI MASRI**  
**(BYIC No. 01-041703)**

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 4 November 2019

**HJH. NORMAZDINA HJ. MD. MASKUB**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

# PROGRAM PERKAMPUNGAN SIVIK

LEPASAN IJAZAH KALI KE-1 TAHUN 2020,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JABATAN PENERANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**DAFTAR SEKARANG!**

**Taklimat & Forum** •  
**Team Building @OBBD** •  
**Lawatan** •  
**Aktiviti Keagamaan** •  
**Kerja Amal Kesukarelawanan** •

**BERMULA PADA :**  
**8 hingga 13 Februari 2020**

**BERTEMPAT :**  
**DAERAH TEMBURONG**

*Terbuka kepada lepasan ijazah :*  
Program Perkampungan Sivik merupakan salah satu aktiviti Jabatan Penerangan yang diperkenalkan sejak tahun 1976

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :  
Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan  
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Melalui telefon :  
2383400 | Sambungan 310.

Sila imbas Kod QR



ایکسپو فُعاجین تیغنى پ ٢٠٢٠

HIGHER  
EDUCATION  
EXPO  
2020

FEBRUARY 8th - 9th, 9AM - 5PM  
BRIDEX HALL, JERUDONG  
BRUNEI DARUSSALAM



Ministry of Education  
Brunei Darussalam



moe\_brunei



MoEducation  
Brunei



[www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn)

# Usaha sama dalam menentang penularan wabak

Dari muka 13

Selain itu, WHO akan menghantar pakar antarabangsa untuk melawat China secepat mungkin untuk memahami Novel Coronavirus dan membimbing usaha tindak balas global.

Seterusnya, PYT turut diajukan soalan mengenai bagaimakah situasi pelancong China ke Negara Brunei Darussalam? Adakah terdapat kes Coronavirus dalam kalangan pelancong China? Apakah kerjasama yang dilakukan oleh China dan Brunei Darussalam dari segi pencegahan dan kawalan?

Semasa Pesta Festival Spring merupakan puncak perjalanan pelancong China. Mencegah dan pengawalan wabak adalah lebih baik, justeru, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan China menangguhan operasi

perniagaan agensi pelancongan pada 24 Januari lalu.

Bagi kumpulan pelancongan yang sudah tiba di Negara Brunei Darussalam sebelum tarikh tersebut, Kedutaan Besar China terus berhubung rapat dengan agensi-agensi pelancongan utama di negara ini bagi memastikan semua pelancong China mendapat maklumat tentang pencegahan kesihatan.

Pada 24 Januari lalu, Kedutaan China dimaklumkan oleh Kementerian Kesihatan Brunei bahawa seorang pelancong China berada di hospital kerana demam. Selepas ujian dengan kit ujian Novel Coronavirus pada hari yang sama, dia disahkan hanya selesesa biasa. Terima kasih kepada pengurusan kesihatan yang dibuat oleh institusi kesihatan awam Brunei, mereka dilayan dengan baik dan sudah kembali dengan selamat. Mereka sekeluarga mengucapkan terima kasih atas penjagaan

dan layanan baik yang mereka terima semasa berada di Brunei Darussalam.

Perlu diingat bahawa dalam ujian makmal yang disebutkan di atas, China dan Brunei mempunyai kerjasama yang erat dalam memastikan diagnosis yang cepat dan tepat. Kit ujian yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan disediakan oleh Syarikat BGI Cina (organisasi ujian pihak ketiga yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Kesihatan Kebangsaan China).

Ketetapan pengujian segera oleh syarikat China ke Brunei Darussalam, menunjukkan ketegasan kerajaan dan perusahaan China untuk memerangi wabak bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa. Ia juga menunjukkan perkembangan lanjut kerjasama China dan Brunei. China akan terus menjalin kerjasama erat dengan Brunei Darussalam untuk menjaga kesihatan dan keselamatannya.

## Pengeluaran air bersih masih di tahap rendah

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan penduduk Kampung Subok mengenai gangguan bekalan air yang sedang dialami pada masa ini.

Untuk makluman, pengeluaran air bersih Loji Rawatan Air Bukit Barun masih dalam tahap yang rendah dan belum stabil.

Oleh itu, pembahagian air bersih ke Tangki-tangki Utama Simpanan Air di Daerah Brunei dan Muara, terutamanya Tangki Utama Simpanan Air Kiarong sedang mengalami paras air yang rendah.

Tangki simpanan air Subok adalah salah satu penerima air dari tangki Kiarong tersebut. Perkara ini menyebabkan tahap paras air tangki Subok menjadi berkurangan dan seterusnya menjelaskan bekalan air ke sebahagian kawasan Kampung Subok, terutamanya pada kawasan tinggi.

Walau bagaimanapun, pihak JKR berusaha untuk melaksanakan pembekalan air kembali seperti biasa secepat mungkin.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat di dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi sebarang masalah bekalan atau kualiti air.

Sekali lagi, JKR ingin memohon maaf atas perkara ini dan sangat menghargai kesabaran orang ramai.

# Memperkuuh ikatan ukhuwah



ACARA Perjumpaan Semula (Reunion) Kali Kedua Bekas-bekas Pelajar Kelas 1H Sekolah Persediaan Inggeris 1969 (Brunei Preparatory School) di Dewan Perdana Minah, Hotel Al-Afiah pada sesi bergambar ramai.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 2 Februari. - Setiap kali kita mengadakan Acara Perjumpaan Semula (Reunion), kita bukan hanya sekadar bertanyakan khabar berita malah acara ini secara dasarnya memperkuuhkan lagi ukhuwah yang lama terputus.

Justeru, Acara Reunion untuk Kali Kedua berlangsung untuk mengeratkan lagi Bekas-bekas Pelajar Kelas 1H Sekolah Persediaan Inggeris (Brunei Preparatory School).

Setelah membawa haluan masing-masing semenjak tahun 1969 dan bekas-bekas pelajar ini telah dipertemukan semula buat pertama kali semasa enam tahun yang lalu.

Dengan kemajuan teknologi pada zaman ini khususnya melalui

aplikasi media sosial seperti WhatsApp, ia sedikit sebanyak membantu mereka dalam mendekatkan lagi jalinan persahabatan Bekas-bekas Pelajar Kelas 1H di Sekolah Persediaan Inggeris.

Bekas pelajar, Pengiran Haji Bakar bin Pengiran Haji Sulaiman semasa ditemui Pelita Brunei menyatakan bahawa acara ini setentunya amat menyeronokkan kerana bekas-bekas pelajar mengimbas kembali kenangan sewaktu zaman persekolahan dan pengalaman mereka serta beramah mesra tentang perkhabaran terkini.

Beliau yang juga Ketua Darjah ketika itu sangat bersyukur bekas-bekas teman seperjuangannya kini menikmati

bukan sahaja berkeluarga dan bersara, malah menerima eluan pence warga emas setiap bulan.

Acara Reunion kali ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran bekas guru kelas mereka yang banyak menabur ilmu dan pendidikan, iaitu Awang Haji Suhaili bin Haji Umar.

Awang Haji Suhaili juga sangat berterima kasih atas inisiatif dan usaha bekas-bekas muridnya, iaitu seramai kira-kira 30 orang yang hadir pada hari ini untuk terus berkumpul dan ia diharap akan dapat diteruskan demi persahabatan yang sekian lama terjalin.

Pertemuan Semula yang berlangsung di Dewan Perdana Minah, Hotel Al-Afiah, di sini, turut diserikan dengan memotong kek, sekali gus meraikan ulang tahun sebahagian Bekas-bekas Pelajar Kelas 1H tersebut.



AWANG Haji Suhaili bin Haji Umar.



PENGIRAN Haji Bakar bin Pengiran Haji Sulaiman.

## Permohonan SBPP dibuka hingga 22 Februari

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Permohonan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) untuk Sesi Akademik 2020 / 2021 akan bermula pada Isnin, 3 Februari 2020, jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Sabtu, 22 Februari 2020, jam 10.00 pagi.

Pemohon yang ingin memohon SBPP adalah DIKEHENDAKI untuk memohon sekurang-sekurangnya SATU program yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi dalam negara melalui Sistem HECS.

Pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan borang permohonan (*softcopy*) melalui e-mel di [sbpp@moe.gov.bn](mailto:sbpp@moe.gov.bn) dan dokumen yang berkaitan, termasuk borang permohonan SBPP dan HECS (*hardcopy*) di Bahagian Biasiswa, Tingkat 5, Blok 'C' sebelum atau tidak lewat dari tarikh tutup permohonan SBPP.

Untuk makluman, permohonan SBPP akan ditawarkan hanya sekali setahun. Pemohon yang belum memperoleh keputusan rasmi dikehendaki untuk menghadapkan keputusan ramalan (*predicted results*) yang dikeluarkan oleh institusi.

Walau bagaimanapun, keputusan permohonan SBPP adalah tertakluk kepada keputusan rasmi yang akan diperoleh nanti.

Selepas pengumuman keputusan permohonan SBPP, pemohon yang tidak berjaya, tetapi memenuhi syarat kelayakan boleh menghantar Surat Rayuan ke Bahagian Biasiswa untuk dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, pemohon diberi masa tiga hari bekerja untuk menghantar Surat Rayuan.

Borang permohonan berserta Terma dan Syarat SBPP boleh didapat melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di <http://www.moe.gov.bn/SitePages/DocumentDownloads.aspx>.

Pemohon boleh merujuk kepada 'GARIS PANDUAN' bagi prosedur permohonan.

Sebarang pertanyaan, hubungi Urusetia SBPP melalui e-mel di [sbpp@moe.gov.bn](mailto:sbpp@moe.gov.bn) atau hubungi menerusi talian +673 2380019 semasa waktu pejabat.

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Langkah Memupuk Semangat Nasionalisme'. Tarikh Tutup : 05 Februari 2020
2. 'Hasil Pertanian dan Perikanan Negara Penting'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2020
3. 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2020

### TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarap jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestalah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

**Menangi  
BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# IMBASAN MINGGUAN

KEMERIAHAN Tahun Baharu Cina dengan pertunjukan Tarian Singa bagi eratkan perpaduan. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



SALAH seorang peserta memberikan idea berasal dalam Pertandingan Pidato Kebangsaan Brunei 2019.  
- Foto : Azmah Haji Ahad.

ANTARA peserta yang hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Mitsubishi Asian Children's Enikki Festa 2019 - 2020. - Foto : Hamzah Mohidin.

PARA peserta dari Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan yang menyertai Kejohanan Bola Jaring di antara Kementerian-kementerian menunjukkan aksi masing-masing. - Foto : Azmah Haji Ahad.



PARA peserta penuh semangat mengikuti Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Bridge Charity Run 2020 bersempena Brunei December Festival 2019 di Taman Mahkota Jubli Emas, BSB. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

# Belia Berwawasan

Generasi peneraju masa depan negara



## Bantu tingkatkan penghasilan sayur-sayuran

Oleh : Hezlinawati Haji Abd Karim  
Foto : Ihsan Kemari Farm

**M**INAT yang mendalam dalam bidang pertanian mendatangkan hasil kepada sekumpulan belia tempatan hingga berjaya menubuhkan sebuah syarikat pertanian diberi nama 'Kemari Farm'. Syarikat tersebut diasaskan bersama oleh golongan belia kitani, Awang Abd. Wafi bin Awang Abd. Jamal (26); Awang Mohd. Hafizuddin bin Haji Awang Damit (27); Awang Haji Muhammad Azim bin Haji Moksin (30); Awang Mohamad Adli bin Mohd. Saidi (27) dan Awang Ahmad Malkan bin Haji Lakim (29), yang sama-sama komited untuk berjuang dalam bidang pertanian.

Menurut Awang Abd. Wafi, idea untuk menubuhkan syarikat tersebut muncul setelah mengikuti Program 4P yang dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Pusat Pembangunan Belia (PPB), di mana melalui program tersebut mereka berpeluang mempelajari dan mendalami bidang pertanian di salah sebuah ladang tempatan. Kelima-lima

belia tersebut sememangnya mempunyai minat untuk menggunakan kaedah terkini penanaman sayur-sayuran iaitu melalui sistem hidroponik dan telah diberi peluang untuk menggerakkan operasi di PPB setelah selesai menjalani Program Pendedahan Pertanian dan Perludangan (4P) Kali Pertama, Tahun 2019.

Menyentuh mengenai nama Kemari Farm pula, Awang Abd. Wafi mengongsikan nama tersebut datang daripada idea di mana mereka sekumpulan belia yang mencari rezeki dan mahu rezeki datang kepada mereka. Oleh itu, mereka mahu rezeki itu 'Kemari' atau menuju ke arah mereka. Selain itu Kemari Farm juga nama yang senang untuk diingati oleh orang ramai.

### Pencapaian

Dalam masa sebulan Kemari Farm beroperasi, mereka disarankan untuk mengikuti 'Society for Community Outreach & Training' (SCOT) dengan Kerjasama Standard Chartered Brunei (SCB) bagi Program 'Youth Against Poverty in Partnership with Futuremakers' selama tiga hari untuk menjalani latihan bengkel keusahawanan, kesedaran dan pembentangan idea projek bagi

membasmi kemiskinan. Kemari Farm merupakan salah satu daripada 10 syarikat yang mengikuti program tersebut dan berjaya terpilih untuk memenangi grant sebanyak BND10,000 untuk menghasilkan idea projek yang dibentangkan.

### Cabaran

Dalam mana-mana perusahaan, kewangan merupakan salah satu cabaran yang perlu dihadapi. Begitu juga halnya dengan Kemari Farm. Namun, setelah memenangi Youth Against Poverty (YAP) dan diberi grant daripada KKBS, mereka berjaya memulakan operasi mereka. Sokongan yang mereka peroleh daripada pihak KKBS, PPB, SCOT, SCB dan Young Entrepreneurs Association of Brunei (YEAB) daripada pelbagai segi juga sedikit sebanyak membantu mereka untuk mengatasi sebarang masalah yang dihadapi.

### Perancangan Masa Depan

Melihat lebih jauh akan keperluan bekalan sayur-sayuran di negara ini, belia-belia berwawasan ini merancang untuk membesar lagi operasi mereka bagi membolehkan anak-anak tempatan menyediakan bekalan yang mencukupi untuk setiap pembeli. Selain itu,

mereka berhasrat untuk mengajar belia-belia lain yang berminat pada bidang pertanian setelah mereka selesai membina ladang yang mula beroperasi.

### Wawasan Untuk Negara

Awang Abd. Wafi mewakili rakan-rakannya juga mengongsikan wawasan mereka terhadap negara di mana mereka ingin melihat Negara Brunei Darussalam sentiasa memiliki sekuriti dalam segi makanan, terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan untuk mengurangkan import sayur-sayuran dan buah-buahan yang boleh ditanam di negara ini. Setelah semua itu tercapai, secara tidak langsung akan membolehkan negara untuk fokus kepada eksport.

### Pesan Kepada Belia

Kepada belia-belia di negara ini, para pengusaha Kemari Farm tidak melepaskan peluang untuk memberikan sedikit pesanan :

"Bidang pertanian sangat luas untuk diceburi oleh golongan belia tempatan dan ia berpotensi untuk menjadi karya yang stabil. Golongan belialah yang paling berpotensi untuk turut meningkatkan produksi pertanian negara".

# BIBD Connects promosi seni kreatif, tingkatkan perusahaan PMKS

Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Hamzah Mohidin

LAMBAK KANAN, Sabtu, 1 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) berharap 'BIBD Connects Pop-Up Market : A Community Outreach' dapat digunakan sebagai platform dalam mempromosikan seni kreatif tempatan juga meningkatkan peluang bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

Sebagai sebahagian daripada

pelancaran BIBD Connects, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sekali lagi mengadakan persembahan hiburan BruHaha Comedy Brunei bertempat di BIBD Connects yang baharu di Kampung Lambak Kanan.

BruHaha Comedy Brunei dipersembahkan oleh pelawak-pelawak tempatan antaranya Tibby, Hazwan dan

Farhan.

Turut serta ialah Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) yang juga mengadakan pameran Hari Kesedaran Kanser Sedunia.

Selain pameran, pendaftaran bagi acara Walk, Run dan Cycle bersempena dengan Hari Kanser Sedunia 2020 akan berlangsung pada 9 Februari 2020 nanti.

Sebarang maklumat lanjut mengenai BIBD Connects, orang ramai bolehlah melayari di BIBD media sosial di @BIBDBRUNEI atau @BIBD.CONNECTS.



ANTARA yang hadir memberikan sokongan, seterusnya menyaksikan Persembahan Hiburan BruHaha Comedy Brunei, di BIBD Connects yang baharu (atas dan bawah).



SEMPENA Pelancaran BIBD Connects, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) mengadakan Persembahan Hiburan BruHaha Comedy Brunei, di BIBD Connects yang baharu di Kampung Lambak Kanan.

## Pengedar ditahan bersama 30 gram syabu



BEBERAPA paket plastik berisi ketulan hablur dipercayai dadah jenis Syabu melebihi 30 gram yang dianggarkan melebihi BND6,000.

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

KUALA BELAIT, Sabtu, 1 Februari. - Dalam usaha berterusan untuk membanteras kegiatan penyalahgunaan dadah, Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah menahan seorang lelaki tempatan yang berumur 32 tahun di kawasan rumah kediamannya di Kampung Mumong, Kuala Belait kerana disyaki terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah.

Hasil daripada serbuan dan pemeriksaan ke atas kereta suspek, telah menemui beberapa paket plastik berisi ketulan hablur dipercayai dadah jenis Syabu melebihi 30 gram yang dianggarkan melebihi BND6,000. Antara barang turut dirampas ialah

satu timbangan digital dipercayai untuk kegunaan aktiviti penjualan dadah dan juga sejumlah wang tunai berbagai mata wang dalam anggaran melebihi BND2,500 yang dipercayai hasil daripada aktiviti pengedaran dadah.

Dadah yang dirampas dipercayai untuk pasaran Negara Brunei Darussalam. Setelah disiasat tangkapan mempunyai rekod kesalahan lama dalam penyalahgunaan dadah.

Tangkapan terbaru ini masih di dalam siasatan di bawah kesalahan seperti berikut :

- Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27 iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal yang boleh membawa hukuman minima lima tahun penjara dan lima sebatan dan hukuman maksima 20 penjara dan 15 sebatan; dan

• Seksyen 6(b) APD, Penggal 27 iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya.

Biro Kawalan Narkotik ingin mengingatkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27, jika terlibat dengan apa jua bentuk aktiviti berhubungan dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah terkawal.

Selain itu, aktiviti pengedaran dadah terkawal tidak menjamin masa depan seseorang dan ia bukan satu jalan penyelesaian dalam menghadapi masalah kewangan atau bagi menjana pendapatan dalam menyara kehidupan sehari-hari ataupun keluarga.

Mengedar dadah terkawal akan memberikan impak negatif kepada masyarakat dan juga memusnahkan kestabilan dan keselamatan negara.

Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah boleh menghubungi talian +673 2448877 (waktu pejabat), hotline +673 8777444 (selepas waktu pejabat) atau e-mel ncb@narcotics.gov.bn.

## Keselamatan sektor pengangkutan air terus diperkuuh

Siaran Akhbar : Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Februari. - Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menjalankan beberapa operasi pada awal bulan Januari 2020 yang lepas di persekitaran Sungai Brunei, khususnya Jeti Sungai Lampai, Terminal Jeti BSB, Jeti Yayasan, Jeti Al-Afiah Kiulap dan Jeti Sungai Kebun.

Pihak MPABD menjalankan 13 operasi dengan tujuan untuk membuat pemeriksaan ke atas bot penumpang dan memastikan pengendali bot mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Hasil daripada operasi tersebut, sejumlah 18 bot penumpang telah diperiksa dan hanya tiga buah bot yang berdaftar. Manakala, lima daripadanya didapati melampaui tempoh lesen dan 10 buah lagi didapati tidak berdaftar.

Di dalam usaha untuk meningkatkan keselamatan penumpang dan pengendali bot semasa di perairan, pihak MPABD juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai dan pengendali bot mengenai pentingnya pemakaian jaket keselamatan. Peringatan ini adalah dalam bentuk pelekat yang telah dipasang oleh pihak MPABD pada bot-bot penumpang dan pelekat yang memaparkan jumlah penumpang yang dibenarkan.

Sebagai usaha berterusan untuk memastikan keselamatan di sektor pengangkutan air diperkuuhkan, MPABD akan lebih giat melaksanakan operasi penguatkuasaan. Operasi sedemikian juga akan dipertingkatkan dengan aktiviti-aktiviti berupa penyebaran maklumat kesedaran tentang keselamatan semasa berperahu dan agar pengguna serta pengendali sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh MPABD.

# Aktiviti Mukimku Ceria meriahkan Pekan Tutong

Berita dan Foto : Dk Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Ahad, 2 Februari. - Dengan matlamat untuk memperkuuhkan perpaduan dan kerjasama padu melalui pelbagai aktiviti riadah, Mukimku Ceria diadakan di kawasan lapang Kompleks Cempaka Bersaudara, Pekan Tutong, di sini.



Pelbagai aktiviti dan kegiatan telah dianjurkan, sekali gus memeriahkan lagi suasana Pekan Tutong dengan kehadiran pelbagai lapisan masyarakat dan penduduk di daerah ini.

Dikendalikan oleh Jabatan Daerah Tutong, Mukimku Ceria

turut diselenggarakan oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) Daerah Tutong juga Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong.

Mukimku Ceria diisikan dengan pelbagai aktiviti menarik, termasuk sesi berjalan kaki, sesi senamrobiq dan acara riadah bersama keluarga.

Disamping itu, Mukimku Ceria turut diisikan dengan jualan Bazar Keusahawanahan Daerah Tutong, di mana memberikan peluang kepada MPMK daerah ini untuk menjual produk-produk yang mereka hasilkan.

Selain itu, Bazar Keusahawanahan bertujuan untuk memacu pertumbuhan ekonomi melalui pelbagai aktiviti berkoncepcian perekonomian dan kemasyarakatan ke arah kemajuan Pekan Tutong, sekali gus untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat.

PELBAGAI aktiviti menarik diadakan sempena dengan Mukimku Ceria, di kawasan lapang Kompleks Cempaka Bersaudara, Pekan Tutong (atas kanan, kanan dan kiri).



**Berbelanja  
Bijak&Berhemat  
dengan aplikasi**

**PenggunaBijak  
SmartConsumer**



Dapatkan aplikasi dan muat turun di



**Menyediakan pelbagai fungsi:**

## **PENETAPAN HARGA MAKSIMA**

Senarai barang yang dikawal harga dan harga maksima barang terkawal dan barang harian pilihan.

## **PERBANDINGAN HARGA**

Perbandingan harga barang keperluan harian terpilih.

## **MEMBUAT ADUAN**

Mengandungi platform bagi menghantar aduan mengenai amalan tidak wajar perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan barang yang dikawal harga.

## **JUALAN & POTONGAN DISKAUN**

Mengandungi maklumat acara jualan yang sedang dan akan dilaksanakan di Negara Brunei Darussalam.

## **PELINDUNGAN PENGGUNA**

Bahan-bahan pendidikan mengenai skop Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar), 2011 dan Akta Kawalan Harga, Penggal 142, Pindaan 2012.

**Para Pengguna boleh membuat perbandingan harga dan mendapatkan harga terkini barang harian terpilih serta maklumat mengenai promosi istimewa dan diskaun melalui PenggunaBijak .**

**PenggunaBijak  
SmartConsumer**

**HUBUNGI KAMI:** Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Telefon : 223 0223  
Faksimile : 223 0203  
E-mel : [dcca@jpke.gov.bn](mailto:dcca@jpke.gov.bn);  
[aduanpengguna@jpke.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpke.gov.bn);  
[consumercomplaint@jpke.gov.bn](mailto:consumercomplaint@jpke.gov.bn)

# Sukan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

## JKED sambut Hari Kastam Antarabangsa 2020

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 2 Februari. - Aktiviti Riadah Bandarku Ceria sempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa 2020 telah mencapai objektifnya dalam menerapkan gaya hidup sihat melalui kesungguhan peserta-pesertanya yang berjaya menamatkan acara berjalan kaki dan berbasikal ke garisan penamat.

Lebih 80 peserta mengambil bahagian dalam acara berjalan kaki dan berbasikal bersempena sambutan tersebut di mana membawa tema 'Customs fostering sustainability for people, prosperity and the planet' yang bermula dan berakhir di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat yang juga menyertai acara berbasikal ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah. Juga turut serta, Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmadaddin bin Haji Abd. Rahman.

Aktiviti riadah yang dianjurkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja itu dibahagikan kepada dua iaitu Berbasikal Sejauh 10 Kilometer dan Walkathon sejauh 3.4 kilometer.

Sementara itu, Pemangku Penguasa Kastam Kanan, Awang Haji Muhammad Hafiy bin Abdullah Fung ketika

### INFO SUKAN

SERAMAI 21 Jurulatih Bola Sepak menamatkan Kursus Kejurulatihan Diploma 'B' Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC) anjuran Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) yang berlangsung selama 10 hari di NFABD House pada 22 Januari 2020. Kursus tersebut merupakan komitmen NFABD kepada pendidikan jurulatih, di samping menyediakan landasan untuk pembangunan dan kestabilan bola sepak di negara ini.



ePaper Pelita Brunei



ditemui Pelita Brunei menjelaskan, melalui acara riadah ini dapat mengajak pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan serta orang awam untuk memupuk gaya hidup sihat menerusi pengajuran acara sukan seumpama ini.

Di samping itu, untuk menyokong perkembangan aktiviti riadah yang semakin meningkat dan aktif di negara ini katanya, ia juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan berkennaan.

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II melancarkan Aktiviti Riadah Bandarku Ceria sempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa 2020 (atas), sementara gambar kanan, Pemangku Penguasa Kastam Kanan ketika ditemui bual.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Dk. Nurhafilah Pg. Osman

## Kementerian Pendidikan juarai Kejohanan Bola Jaring

YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan ketika bergambar ramai bersama juara, pasukan Kementerian Pendidikan.



**BERAKAS**, Ahad, 2 Februari. - Kejohanan Bola Jaring di antara Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-26, Tahun 2019 menutup tiraunya dengan menyaksikan Kementerian Pendidikan (MOE) berjaya merangkul juara setelah menewaskan Kementerian Kesihatan (MOH) pada perlawanan akhir yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Perlawanan yang berkesudahan dengan jaringan 31 - 29 itu mempamerkan permainan yang cukup sengit di antara kedua

pasukan namun, MOE yang mempunyai kelebihan pemain yang cukup berpengalaman berjaya menundukkan MOH melalui empat set perlawanan.

Walau bagaimanapun pujian juga harus diberikan kepada MOH yang setentunya memberi tekanan hebat kepada pihak lawannya sehingga berjaya menjarakkan mata jaringan, namun akhirnya mereka terpaksa akur dengan gelaran Naib Juara.

Pengurus dan Penyelaras Bola Jaring MOE, Dayang Hajah Rosediana binti Haji Hidop melahirkan rasa gembira dan berbangga dengan prestasi pemain-

pemainnya, di mana setiap pemain memperkenan kerjasama sebagai sebuah pasukan yang tidak mudah mengalah dan putus asa sehingga mencapai kejayaan.

Menurutnya, pada kejohanan yang sama dianjurkan pada tahun 2014 yang lalu, MOE juga berjaya menjulang trofi kejuaraan.

Kebanyakan pemain dalam pasukannya, ujar beliau terdiri daripada Guru-guru dan Pegawai dari MOE yang sudah mempunyai pengalaman dalam bola jaring, di mana mereka juga mempunyai kelab-kelab tersendiri dan sering menyertai perlawanan serta kejohanan bola jaring yang dianjurkan di negara ini.

"Saya tekankan kepada para pemain, apa yang perlu dilakukan ialah untuk percaya sesama sendiri, beri sokongan kepada setiap pemain serta memberikan saingan yang hebat dalam setiap perlawanan," ujarnya.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan Perlawanan Akhir, seterusnya menyempurnakan Penyampaian Piala dan Pingat kepada para pemenang, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Terdahulunya dalam perlawanan penentuan tempat ketiga, Jabatan Perdana Menteri (JPM) berjaya mengalahkan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kesudahan jaringan 27 - 17.

Kejohanan yang bermula sejak 17 Januari

lalu itu menyaksikan sebanyak 11 buah kementerian menyertainya yang dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B'.

Kumpulan 'A' terdiri daripada MOE; Kementerian Pertahanan; Kementerian Pembangunan; JPM; Kementerian Hal Ehwal Ugama (MORA) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Manakala Kumpulan 'B' terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (MOHA); Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC); MOH; MOFE dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (MFA).



AKSI Perlawanan Akhir di antara Kementerian Pendidikan (jersi kuning) menentang Kementerian Kesihatan (jersi merah jambu).

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'SEGALA AMAL KEBAIKAN, KEBAIKAN ORANG MENINGGAL AKAN DIAMBIL, DIGUNAKAN LUNASKAN HUTANG'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیتیق اوله جباتن فرچیتکن کراجان، نگارا بروني دار السلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam